

Nota Pencegahan Rasuah





NOTA PENCEGAHAN RASUAH

BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tel : 603 8870 0000
Faks : 603 8870 0901
E-mel : info@sprm.gov.my
SMS : 019-6000 696

Penulis dan Penyunting
Mohamad Tarmize Abdul Manaf

Reka bentuk Grafik
Rozila Abdullah @ Romli

@ HAK CIPTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Edisi Pertama : November 2014
Edisi Kedua : November 2015
Edisi Ketiga : November 2017
Edisi Keempat : November 2018
Edisi Kelima : Oktober 2020

ISBN 978-967-5459-07-8

KANDUNGAN

	01	Mengapa pencegahan rasuah penting?
Latar belakang SPRM	05	
Jenis-jenis kesalahan rasuah	41	25 Pengenalan kepada rasuah
Rasuah: Jenayah serius	83	57 Kesalahan rasuah oleh organisasi komersial
Laporkan rasuah	123	99 Punca, simptom & kesan rasuah
Bila hadiah menjadi rasuah?	157	145 Pengiktirafan kepada penjawat awam yang menolak rasuah
Membudayakan nilai-nilai murni	193	167 Langkah pencegahan dan inisiatif kerajaan
		207 SPRM Negeri & Cawangan

“*Dalam kita mengejar kemajuan, integriti dan nilai-nilai murni hendaklah terus dititikberatkan. Beta mahu gejala **rasuah** terus diperangi kerana rasuah membebankan rakyat dan meruntuhkan asas sesebuah negara.*”

KDYMM Seri Paduka Baginda
Yang Di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah
Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni
Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

11 Mac 2019

MENGAPA PENCEGAHAN RASUAH PENTING?

- Bagaimana rasuah mengancam negara?
- Siapa yang boleh terjebak dengan jenayah rasuah?


RASUAH MENGANCAM NEGARA

Jenayah rasuah merupakan ancaman utama kepada negara. Anda salah sekiranya menganggap rasuah hanya masalah moral atau jenayah kecil-kecilan. Banyak contoh negara yang bergolak dan akhirnya musnah kerana jenayah keji ini.

Empayar Rom, Empayar Uthmaniah dan Dinasti Ming yang tidak terurus pentaqbirannya menyebabkan tentera dan kakitangan awamnya terpaksa mengamalkan rasuah sehingga akhirnya hancur.

Demikian juga dengan kisah kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka akibat berlakunya amalan rasuah dalam kalangan raja dan pembesarnya. Kerajaan Nasionalis Chiang Kai-Shek di China, Presiden Richard Nixon di Amerika Syarikat, Presiden Marcos di Filipina dan Presiden Mobuto di Zaire tumbang kerana jenayah yang sama.

RASUAH: SIAPA TERLIBAT?



Rasuah berlaku bukan kerana faktor bangsa, agama atau politik. Rasuah berlaku kerana ketiadaan integriti dalam diri individu itu.

Kesalahan rasuah bukan sahaja melibatkan kesalahan 'beri dan terima suapan'. Buku ini akan menerangkan jenis-jenis kesalahan rasuah menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Rasuah boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Sekiranya anda tidak mahu ambil kisah kerana menyangka anda tidak akan melakukan rasuah, tidak mustahil suatu hari nanti **anda akan terjebak.**

TAHUKAH ANDA?

- 01 Setiap tahun, dianggarkan nilai kerugian yang ditanggung akibat rasuah adalah 5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) dunia. Jumlah ini bersamaan USD2.6 trilion.
- 02 Setiap tahun, dianggarkan sejumlah USD1 trilion rasuah dibayar untuk pelbagai tujuan.
- 03 Di seluruh dunia, rasuah menyebabkan penambahan 10% kepada kos untuk menjalankan perniagaan.

*Sumber:
International Chamber of Commerce
dan Transparency International*

LATAR BELAKANG SPRM

- Pencegahan rasuah:
Bila bermula?
- Latar belakang SPRM
- Struktur SPRM
- Mekanisme '*check and balance*'
- Bidang kuasa SPRM
- Prinsip pengasingan kuasa

“Meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berasaskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme.”

Aspirasi SPRM

PENCEGAHAN RASUAH: BILA BERMULA?



ZAMAN KOLONIAL

Masalah rasuah wujud sejak pentadbiran kolonial lagi. Kajian tentang rasuah yang pertama dijalankan pada 1 April 1940 oleh seorang Ahli Majlis Pemerintahan Kolonial Kerajaan Persekutuan bernama Mr. Shearn. Dalam kajian tersebut, beliau menyatakan, “*Bribery and corruption flow to an appalling extent in government department*”.

Seterusnya pada tahun 1950, Kerajaan Kolonial membentuk sebuah suruhanjaya yang diketuai oleh Hakim E.N. Tylor untuk menyiasat sejauh mana rasuah diamalkan oleh kakitangan awam.

Laporan Suruhanjaya Tylor dibentangkan pada tahun 1955. Antaranya menyatakan bahawa rasuah memang wujud dalam jabatan yang terdedah kepada peluang untuk melakukan rasuah. Malangnya, Kerajaan Kolonial mengeneipkan laporan tersebut kerana ketidakpekaan kepada isu rasuah ketika itu.

“*Bribery and corruption flow to an appalling extent in government department.*”

Mr. Shearn, Ahli Majlis Pemerintahan Kolonial Kerajaan Persekutuan



KAJIAN SHAH NAZIR ALAM

Selepas negara merdeka pada tahun 1957, kerajaan mula memberi tumpuan kepada masalah rasuah. Pada Januari 1958, kerajaan menjemput pegawai tinggi polis daripada Pasukan Polis Pakistan bernama Shah Nazir Alam bagi membuat kajian berhubung masalah rasuah di negara ini.



Shah Nazir Alam

Kajian selama tiga bulan itu menghasilkan laporan bertarikh 26 April 1958 yang telah dikemukakan kepada kerajaan. Antara cadangannya adalah untuk menubuhkan sebuah agensi khusus bagi membuat siasatan kes rasuah di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Hasil Kajian Shah Nazir Alam dikaji secara mendalam oleh Jawatankuasa Bertindak yang turut mencadangkan agar ditubuhkan unit baru dalam pasukan polis yang akan membuat siasatan terhadap aduan rasuah. Cadangan itu akhirnya dipersetujui oleh kerajaan. Dari situlah bermulanya penubuhan agensi pencegahan rasuah di Malaysia.

LATAR BELAKANG SPRM



SEJARAH

Usaha pencegahan rasuah secara formal bermula pada tahun 1959 melalui sebuah unit kecil yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menjalankan aktiviti pencegahan rasuah. Pada masa yang sama, siasatan kes rasuah dijalankan oleh Criminal Investigation Department (Special Crime) yang diletakkan di bawah Pasukan Polis Diraja Malaysia. Manakala, pendakwaan kes-kes rasuah dikendalikan oleh Bahagian Pendakwaan di Ministry of Justice.


Memandangkan usaha-usaha pembanterasan rasuah dilaksanakan secara berasingan oleh agensi yang berlainan, kerajaan telah menggabungkannya di bawah satu bumbung dengan penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada **1 Oktober 1967**.

Pada 29 Ogos 1973, Akta Biro Siasatan Negara diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan dengan itu BPR ditukar namanya kepada Biro Siasatan Negara (BSN). Tujuannya adalah bagi memberi lebih kuasa kepada BSN yang bukan sahaja terlibat menyiasat kes rasuah, bahkan kes-kes yang berkaitan dengan kepentingan negara.


Pada 13 Mei 1982, nama agensi ini ditukar kembali kepada nama asal iaitu Badan Pencegah Rasuah (BPR) apabila Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 diluluskan oleh Parlimen. Pertukaran tersebut bertujuan untuk mencerminkan dengan lebih tepat peranan badan itu sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mencegah jenayah rasuah.

Seterusnya, pada tahun 2008, Parlimen bersetuju agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditubuhkan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan agensi itu. Ia juga untuk memperbaiki persepsi masyarakat terhadap kebebasan dan ketelusan SPRM dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya.

SPRM mula beroperasi pada **1 Januari 2009** dan majlis pelancarannya diadakan pada 24 Februari 2009. Turut dibentuk adalah lima mekanisme '*check and balance*' yang diwujudkan secara perundangan dan pentadbiran bagi memantau SPRM dalam melaksanakan tugasnya.



SEJARAH PENUBUHAN SPRM





BEZA SPRM DAN BPR

Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bukan sekadar perubahan nama daripada Badan Pencegah Rasuah (BPR). Terdapat banyak penambahbaikan daripada segi struktur dan operasinya.

Perbezaan utama adalah kewujudan lima badan bebas yang memantau perjalanan operasi SPRM secara keseluruhannya.

SPRM merupakan satu-satunya entiti penguat kuasa di negara ini yang diawasi oleh lima 'badan pemantau' yang bebas dan profesional.

Malahan, tiada entiti penguat kuasa yang perlu memberi penjelasan berhubung sesuatu operasi siasatan kepada badan bebas sebagaimana SPRM. Kewujudan lima badan pemantau ini membuktikan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM dalam melaksanakan tugasnya.

Selain itu, Akta SPRM 2009 turut memperuntukkan kuasa-kuasa tambahan dalam siasatan dan pendakwaan kepada SPRM bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan.


SPRM dipantau rakyat

“Lima badan pemantau yang mengawasi SPRM ditubuhkan melalui peruntukan undang-undang dan secara pentadbiran.

Ahli badan pemantau ini terdiri daripada individu yang dipilih kerana integriti dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Jumlah ahli adalah lebih kurang 50 orang bergantung kepada pelantikan.

Mereka mewakili rakyat Malaysia bagi memastikan SPRM menjadi sebuah suruhanjaya yang bebas, telus dan profesional.”

STRUKTUR SPRM



PENTING: Kesemua ahli lembaga, jawatankuasa dan panel ini tidak dibayar gaji oleh kerajaan atau SPRM. Mereka adalah sukarelawan yang mewakili masyarakat untuk menyumbang ke arah pembanterasannya jenayah rasuah di Malaysia.

MEKANISME '*CHECK AND BALANCE*'

JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH [JKMR]

Terdiri daripada Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat mewakili parti kerajaan dan pembangkang. Kesemua mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Seksyen 14 Akta SPRM 2009 menetapkan bilangan ahli JKMR seramai tujuh orang sahaja.

15

PERANAN JKMR

- a. Menasihati Perdana Menteri berhubung masalah rasuah di Malaysia;
- b. Mendapatkan penjelasan SPRM berhubung aktiviti-aktiviti yang dijalankannya; dan
- c. Mengemukakan laporan JKMR kepada Perdana Menteri untuk dibentangkan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

**LEMBAGA
PENASIHAT
PENCEGAHAN
RASUAH
[LPPR]**

Ahli-ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan orang yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam bidang masing-masing. Antara mereka adalah bekas pegawai tinggi kerajaan, tokoh korporat, ahli akademik dan ahli profesional. Seksyen 13 Akta SPRM 2009 menetapkan bilangan ahli mestilah tidak kurang daripada tujuh orang.

PERANAN LPPR

- a. Menasihati SPRM mengenai dasar dan strategi pencegahan rasuah; dan
- b. Meneliti dan memperakukan cadangan SPRM untuk meningkatkan keberkesannya.

JAWATANKUASA ADUAN [JKA]

Antara ahlinya adalah pengamal undang-undang, bekas pegawai tinggi kerajaan dan mereka yang berkepakaran dalam pengurusan sumber manusia. Seksyen 15 Akta SPRM 2009 menetapkan bilangan ahli mestilah tidak lebih daripada lima orang.

17

PERANAN JKA

- a. Memantau SPRM dalam mengendali aduan mengenai salah laku (bukan kesalahan jenayah) pegawai-pegawainya; dan
- b. Mengenal pasti kelemahan dalam tatacara/prosedur kerja SPRM dan seterusnya membuat syor penambahbaikan.

**PANEL
PERUNDINGAN &
PENCEGAHAN
RASUAH
[PPPR]**

Ahli PPPR mewakili pelbagai kumpulan masyarakat sivil seperti pengamal media, pengamal undang-undang, tokoh korporat, ahli akademik, pakar komunikasi, aktivis sosial dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

PERANAN PPPR

- a. Menasihati SPRM dalam aktiviti pemeriksaan dan perundingan berhubung amalan, sistem atau tatacara kerja di sektor awam dan swasta; dan
- b. Menasihati SPRM dalam pelaksanaan aktiviti pendidikan dan kempen bagi meningkatkan kesedaran dan sokongan masyarakat.

**PANEL
PENILAIAN
OPERASI
[PPO]**

Mereka yang menganggotai PPO mewakili badan-badan profesional dan mampu meneliti dan menasihati SPRM dalam melaksanakan fungsi operasinya.

PERANAN PPO

- a. Memeriksa dan mengkaji Kertas Siasatan serta keputusan yang dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya; dan
- b. Menasihati dan memperakukan langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti siasatan SPRM.



SPRM mesti melaporkan dan menjelaskan kepada PPO mengenai ...


Perangkaan Kertas Siasatan yang dibuka oleh SPRM.

Kertas Siasatan yang belum siap melebihi 12 bulan.


Kes orang yang ditangkap dan dilepaskan dengan jaminan melebihi enam bulan.

Kes-kes yang diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya untuk tidak dituduh.

BIDANG KUASA SPRM



PRINSIP PENGASINGAN KUASA



SPRM BEBAS MENYIASAT

SPRM tiada kuasa mendakwa kerana Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa pendakwaan kepada Peguam Negara.

23

Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

"Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera."





SPRM melaksanakan fungsinya berdasarkan prinsip bebas, telus dan profesional.

BEBAS

Tidak dipengaruhi dan tidak perlu merujuk kepada mana-mana pihak dalam menjalankan siasatan.

TELUS

Aktiviti SPRM dipantau dan dinasihati oleh lima badan bebas. Laporan aktiviti SPRM juga mesti dibentangkan di Parlimen.

PROFESIONAL

Pegawai SPRM bertindak berlandaskan parameter undang-undang dan kod etika kerja jabatan.

Pengenalan kepada Rasuah

- Definisi rasuah
- Rasuah daripada perspektif agama
- Rasuah: Kata mereka

“Integrity is choosing your thoughts and actions based on values rather than personal gain.”

DEFINISI RASUAH

ASAL PERKATAAN RASUAH

Rasuah berasal daripada bahasa Arab '*risywah*' iaitu kata terbitan daripada kata akar perkataan '*rasya*', '*yarsyu*' dan '*rasywan*' yang membawa maksud sogokan atau pujukan.

27



APA ITU RASUAH?

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk diri seseorang kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.


*Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, istilah rasuah disebut sebagai **suapan**.*



NAMA-NAMA LAIN BAGI RASUAH

-
- 'Sleaze' (UK)**
Perbuatan tidak jujur dan tidak bermoral terutama oleh penjawat awam.
 - 'Tangentopoli' (Itali)**
Perbuatan rasuah dalam sistem politik Itali yang terbongkar sekitar tahun 90-an.
 - 'Les Affaires' (Perancis)**
Transaksi haram dalam perniagaan.
 - 'Black Mist' (Jepun)**
Merujuk kepada skandal mengatur perlawanan dalam liga profesional besbol Jepun yang berlaku antara tahun 1969 dan 1971.
 - '419' (Nigeria)**
Nombor 419 adalah merujuk kepada peruntukan undang-undang bagi jenayah '*fraud*' dalam Nigerian Criminal Code.
 - 'Air Supply' (Uganda)**
Pembayaran yang dibuat walaupun barang tidak dibekalkan atau perkhidmatan tidak diberikan.

-
- 07** **'Than Wu' (China)**
'Than' bererti haloba dan
'Wu' bererti kekotoran.
- 08** **'Char Chien' (Mandarin)**
Duit minum teh.
- 09** **'Kopi Lui' (Hokkien)**
Duit minum kopi.
- 10** **'Zowai', 'Wairo' atau 'Suwai' (Jepun)**
Pemberian wang bertujuan untuk melakukan perkara yang terlarang.
- 11** **'Pungli' (Indonesia)**
Gabungan perkataan 'pungutan' dan 'liar'.



ELEMEN-ELEMEN RASUAH

Jenayah rasuah mesti mempunyai elemen berikut:

- i. **Pemberi** rasuah;
- ii. **Penerima** rasuah;
- iii. **Suapan** - dalam pelbagai bentuk seperti yang dinyatakan sebelum ini;
- iv. **Balasan** - tujuan rasuah diberi atau diterima; dan
- v. **Mens rea** (niat jahat) - elemen paling penting dan paling susah dibuktikan dalam siasatan kes rasuah.



Seorang ayah memberi upah RM50 kepada anaknya supaya dia pergi sekolah, bukan satu kesalahan rasuah mengikut undang-undang. Ini kerana, tiada '*mens rea*' atau niat jahat dalam pemberian tersebut.

Bagaimanapun, didikan sedemikian boleh menyebabkan anak tersebut menjadi tidak ikhlas dalam membuat sesuatu pekerjaan dan sentiasa mengharapkan bayaran atau balasan.

BENTUK RASUAH



CONTOH BENTUK RASUAH



Hadiah



Pembekal A memberi hadiah berbentuk set golf kepada B, seorang pegawai kewangan supaya mempercepatkan bayaran bagi tuntutan.



Bonus



A, pengarah urusan syarikat berjanji memberikan bonus sebanyak lima bulan gaji kepada akauntannya, B. Dengan syarat, B menyembunyikan penyelewengan wang syarikat yang dilakukan A.



Perkhidmatan



A, seorang kontraktor menawarkan rasuah berbentuk khidmat seks GRO kepada B, pengarah perolehan syarikat XXX. Sebagai balasannya, B akan memastikan A mendapat projek daripada syarikat XXX.

**Pinjaman**

Seorang pembekal memberi pinjaman wang kepada seorang pegawai pentadbir makmal universiti (yang kesempitan duit). Dengan syarat, pegawai berkenaan menerima dan memperakui pembekalan peralatan makmal yang tidak sempurna.

**Jawatan**

A, pengurus syarikat menawarkan kenaikan pangkat kepada akauntannya supaya tidak melaporkan kepada polis mengenai perbuatannya yang telah mencuri duit syarikat.

**Diskaun**

A, pemilik syarikat pengedar kereta mewah memberi diskaun 75% untuk sebuah kereta BMW kepada B, seorang pegawai penguat kuasa. Diskaun melampau ini bertujuan agar B tidak mengambil tindakan terhadap A yang sedang disiasat kerana terlibat dalam aktiviti menjual dadah.

RASUAH: PERSPEKTIF AGAMA

Setiap agama melarang perbuatan rasuah dan penganiayaan kepada orang lain. Agama juga mengarahkan penganutnya untuk berbuat baik sesama manusia dan alam sekitar.

35

AGAMA ISLAM

1 “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan kamu pula menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

(Al-Baqarah: 188)

2 “Sesiapa sahaja yang telah kami lantik untuk memegang sesuatu jawatan atau kerja dan kami telah tetapkan pendapatannya atau gaji, maka apabila ia mengambil lebih daripada apa yang ditetapkan itu dikira sebagai satu penipuan dan rasuah.”

(Hadis riwayat Abu Daud)

3 “Pemberi rasuah dan penerima rasuah masuk neraka.”

(Hadis riwayat At-Tabrani)

HEBREW SCRIPTURES

1

"Look for able men from all the people, men who fear God, who are trustworthy and hate a bribe, and place such men over the people as chiefs of thousands...; And let them judge the people at all times..."

(Exodus, Chapter 18, verse 21, 22)

2

"You must not distort justice; you must not show partially; and you must not accept bribes for a bribe blinds the eye of the wise and subverts the cause of those who are in the right."

(Deuteronomy, Chapter 16, verse 19)

3

"His sons... turned aside after gain; they took bribes and perverted justice."

(Bible, Samuel Chapter 8, verse 3-5)

AJARAN AGAMA BUDDHA

1

"If an important minister neglects his duties, works for his duties, works for his own profit or accepts bribes, it will cause a rapid decay of public morals. People will cheat one another... take advantage of the poor, and there will be no justice for anyone."

2

"... only flatterers will find government position, and they will enrich themselves with no thought for the sufferings of the people."

3

"Unjust officials are the thieves of people's happiness... they defraud both ruler and people and are the cause of the nation's troubles."

(Buddha. 'The Teaching of Buddha', Tokyo, Bukkyo Dendo Kyokai, 630th revised edition, 1990, pages 468, 470)

RASUAH: KATA MEREKA

38



Titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semasa Majlis Raja Di Hati Rakyat sempena sambutan ulang tahun BPR/SPRM ke 47 pada 1 Oktober 2014 di Kuala Lumpur Convention Centre.

“Banyak negara dianugerahi rahmat ILLAH dengan pelbagai sumber kekayaan tetapi kerana rasuah, ada yang terbenam dalam kemelut kemunduran - ada yang tertimbus dalam lumpur kemiskinan. Kekayaan negara disalah guna - hasil mahsul lesap, akibatnya kemunduran terus melanda - kemiskinan terus merebak. Apabila tidak ada kesungguhan untuk membanteras rasuah, ia akan tumbuh melebar - subur membesar, lalu diterima sebagai norma dan akhirnya meresap menjadi budaya, hingga memusnahkan sesebuah negara bangsa.”



“If a country is to be corruption free and become a nation of beautiful minds, I strongly feel there are three key societal members who can make a difference. They are the father, the mother and the teacher.”

Dr Avul Pakir Jainulabdeen Abdul Kalam
(15 Oktober 1931—27 Julai 2015)
Presiden India ke-11



“Corruption is worse than prostitution. The latter might endanger the morals of an individual; the former invariably endangers the morals of the entire country.”

Karl Kraus (1874-1936)
Pengkritik sosial dan penulis terkenal Austria



Dr. Ridhuan Tee Abdullah,
Pensyarah UPNM/Pendakwah
dalam artikel beliau bertajuk
'Makan Rasuah dengan
Makan Babi: Mana Lebih
Berdosa?'

“Perlu diingatkan bahawa dosa makan babi hanya melibatkan individu yang makan babi, tidak melibatkan ahli keluarga, masyarakat, negara dan agama. Dosa individu lebih mudah diampunkan sebab pelakunya antara individu tersebut dengan Allah SWT, Yang Maha Pengampun. Berbeza dengan dosa mengambil dan memakan rasuah. Terdapat beberapa tahap serius di sini iaitu mengambil (melibatkan yang memberi), kemudian menggunakannya untuk diri, keluarga dan masyarakat, sehingga boleh meruntuhkan agama dan negara. Menggunakan hasil haram rasuah akan masuk ke perut. Jika dibelanja kepada orang lain, masuk ke perut orang lain seperti anak-anak, ahli keluarga dan rakan taulan yang tidak berdosa. Perut menerima hasil haram, walaupun bukan daging babi yang masuk ke perut.”

JENIS-JENIS KESALAHAN RASUAH

- Kesalahan rasuah berdasarkan Akta SPRM 2009
- Hukuman bagi kesalahan rasuah
- Contoh kes rasuah

“ *Power tends to corrupt and absolute power corrupt absolutely.*”


John Emerich Edward
Dalberg Acton (Lord Acton),
ahli sejarah dan pengkritik
sosial England (1834-1902)

KESALAHAN RASUAH BERDASARKAN UNDANG-UNDANG

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

(Akta SPRM 2009) merupakan akta khusus berkaitan jenayah rasuah di Malaysia. Kesalahan utama rasuah menurut akta ini adalah seperti berikut:

43



Turut menjadi kesalahan adalah sebarang **percubaan atau persubahatan** untuk melakukan kesalahan-kesalahan di atas.



1

Meminta dan menerima rasuah
[Seksyen 16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009]

Mana-mana orang atau ejen meminta/menerima suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.

**Pegawai kerajaan**

Seorang kerani Jabatan Kewangan menerima wang RM500 sebagai upah mempercepatkan bayaran tuntutan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja ubah suai pejabat.

**Swasta**

Seorang CEO meminta rasuah berbentuk komisen 5% daripada nilai projek daripada seorang kontraktor. Rasuah diminta bagi memastikan kontraktor itu berjaya mendapatkan projek tersebut.

2

Menawar dan memberi rasuah [Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]

Mana-mana orang yang menawarkan/memberi rasuah kepada seorang ejen/pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan hal ehwal ejen/pegawai awam tersebut.

45



Seorang pengurus sebuah kelab malam menawarkan dan memberi wang rasuah RM2,000 kepada pegawai penguat kuasa PBT untuk tidak mengambil tindakan terhadapnya yang didapati telah melanggar syarat-syarat perniagaan yang ditetapkan.



3

**Mengemukakan tuntutan palsu
[Seksyen 18 Akta SPRM 2009]**

Mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (contohnya, pesanan kerajaan, resit dan *invoice*) yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk menipu prinsipalnya (pejabat/majikan).

CONTOH

Seorang pegawai kerajaan (atau swasta) telah mengemukakan dokumen mengenai tuntutan elaun perjalanan kepada majikannya. Dalam tuntutan tersebut, beliau menyatakan telah bertugas rasmi di Pulau Pinang dan menuntut bayaran dan elaun yang layak.

Sebenarnya, pada tarikh tersebut, beliau berada di rumah dan tidak pergi ke tempat yang dinyatakan. Tuntutan tersebut adalah bagi mendapat keuntungan secara salah dan dengan niat untuk menipu majikannya.



Kesalahan salah guna kuasa atau kedudukan oleh pegawai awam [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]

Kesalahan ini hanya melibatkan pegawai badan awam seperti mana yang ditetapkan oleh Akta SPRM 2009. Kesalahan berlaku apabila seseorang **pegawai badan awam menggunakan kedudukannya** dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung sesuatu perkara, di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

CONTOH

Dalam satu mesyuarat tender, pengerusi mesyuarat yang merupakan YDP sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menggunakan jawatan beliau dengan meluluskan dan memberikan projek pembinaan rumah kos rendah (di kawasan jajahan PBT itu) kepada syarikat XXX Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh isterinya sendiri.



HUKUMAN BAGI KESALAHAN RASUAH

Seksyen 24 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 menetapkan hukuman seperti berikut:



Penjara tidak lebih 20 tahun; DAN



Lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

CONTOH HUKUMAN DENDA

1

Jika suapan RM5,000, maka hukuman adalah penjara dan denda RM25,000 ($\text{RM5,000} \times 5$).

2

Jika jumlah suapan adalah RM1,000, maka hukuman adalah penjara dan denda RM10,000. Ini kerana, $\text{RM1,000} \times 5$ hanya RM5,000. Oleh kerana jumlahnya kurang daripada RM10,000 (nilai minimum), maka RM10,000 adalah denda yang akan dikenakan.





Kes Menteri Besar meminta dan menerima rasuah berbentuk 'derma politik'

Datuk Alam (bukan nama sebenar) merupakan seorang bekas Menteri Besar sebuah negeri. Mempunyai pendidikan dalam undang-undang dan memegang pelbagai jawatan dalam kerajaan sebelum menceburi politik.

Pada 25 November 1975, Datuk Alam ditangkap Biro Siasatan Negara (sekarang SPRM) kerana kesalahan meminta dan menerima rasuah berjumlah \$250,000 daripada Bank ABC dalam bentuk 'derma politik' untuk sebuah parti. **Sebagai balasannya, Datuk Alam akan mendapatkan kelulusan** Mesyuarat EXCO Negeri berhubung permohonan Bank ABC untuk mendapat sebidang tanah negeri bagi projek pembinaan ibu pejabat bank tersebut.

Datuk Alam dituduh di mahkamah atas tiga pertuduhan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1961. Beliau didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara, keseluruhannya lima tahun dan denda \$250,000 dibayar kepada Kerajaan Persekutuan.

Kes ini menimbulkan kekecohan rakyat pada ketika itu. Ini kerana Datuk Alam dianggap sebagai seorang ahli politik dan pejuang Melayu yang terkenal.



Pegawai SPRM dihukum penjara kerana terlibat rasuah

51

Pada 19 Februari 2010, seorang pegawai SPRM berpangkat Penolong Penguasa dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam atas tiga pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(B) dan 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Beliau didakwa meminta, menyetuju terima dan memperoleh bagi dirinya suapan wang tunai RM455,000 daripada seorang lelaki yang sedang disiasat SPRM. Rasuah itu bertujuan **agar pegawai SPRM itu tidak meneruskan siasatan** ke atas lelaki berkenaan kerana disyaki terlibat memberi rasuah kepada pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Pada 6 Julai 2012, mahkamah menjatuhkan hukuman 39 tahun penjara (serentak 13 tahun) dan denda RM2,275,000 (atau 118 bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar) setelah mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan.

Kes ini membuktikan SPRM sentiasa bersikap telus dan profesional dalam menyiasat kes-kes rasuah yang dilaporkan. Walaupun melibatkan pegawai sendiri, siasatan SPRM tetap dijalankan secara menyeluruh berdasarkan peruntukan undang-undang. Akhirnya kes ini berjaya dituduh dan pegawai terbabit disabitkan hukuman.



EXCO kanan bersalah kerana memberi rasuah supaya pesaing tidak layak bertanding

Kes ini melibatkan seorang EXCO kanan sebuah negeri. Kesalahan dilakukan dalam tahun 2001.

Pada 14 April 2004, Dato' A dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh atas dua pertuduhan kerana memberi rasuah sebanyak RM2,000 dan RM5,000 kepada kontraktor B. Wang suapan itu bertujuan **supaya B menolak tawaran penyelesaian hutang** daripada Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tapah iaitu C.

Penolakan tawaran penyelesaian itu akan menyebabkan C kekal muflis dan tidak layak bertanding untuk menentang Dato' A bagi merebut jawatan Ketua UMNO Bahagian Tapah pada 22 April 2001.

Pada 22 Ogos 2005, Dato' A didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dan didenda RM10,000 (atau enam bulan penjara).



Tuntutan palsu ADUN bagi program yang tidak wujud

YB Wong (bukan nama sebenar) memegang jawatan ADUN kawasan AAA mulai April 2004 sehingga Februari 2008.

Semasa memegang jawatan itu, YB Wong dan pembantunya Mamat (bukan nama sebenar) telah mengemukakan tujuh tuntutan berhubung program mesra rakyat yang kononnya dilaksanakan sempena Tahun Baru Cina dan sambutan Thaipusam. Padahal sebenarnya, program-program tersebut tidak pernah diadakan.

Pada 3 November 2009, YB Wong dan Mamat dituduh di Mahkamah Sesyen di bawah Seksyen 11(c) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Genap dua tahun kemudian iaitu pada 3 November 2011, mahkamah memutuskan beliau dan Mamat bersalah.

Hukuman yang dikenakan adalah penjara dua tahun dan denda RM50,000 bagi setiap pertuduhan.



EXCO bersalah kerana terlibat meluluskan tanah kepada syarikat isteri

Dalam tahun 1994, Dato' Haris (bukan nama sebenar) terlibat dalam mesyuarat EXCO yang meluluskan beberapa permohonan syarikat Makan Angin Sdn. Bhd. berkaitan pemilikan tanah bagi projek perusahaan kuari dalam sebuah negeri.

Dato' Haris sebenarnya mempunyai kepentingan di mana isteri beliau pernah menjadi salah seorang pengarah di syarikat tersebut.

Apabila tanah kuari dan saham syarikat dibeli oleh seorang ahli perniagaan, Dato' Haris dan isteri telah menerima bayaran berjumlah RM150,000 dan RM100,000. Perkara ini tidak pernah diisytiharkannya semasa mesyuarat EXCO membuat keputusan.

Pada 27 Mei 1998, Dato' Haris dituduh di Mahkamah Sesyen kerana kesalahan rasuah dan salah guna kuasa di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970. Beliau didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman dua tahun penjara.



EXCO terlibat meluluskan tanah kerajaan kepada bakal isteri

55

YB Shuib (bukan nama sebenar) merupakan bekas guru sekolah sebelum melepaskan jawatan tersebut pada tahun 1959 untuk menceburi bidang politik. Pada Pilihan Raya Umum 1959, beliau bertanding sebagai calon Parti Perikatan dan memenangi kerusi Parlimen. Pada tahun 1972, beliau dilantik menjadi EXCO sebuah negeri.

Kes rasuah YB Shuib berlaku apabila beliau terlibat dalam mesyuarat EXCO yang meluluskan permohonan tanah kerajaan negeri kepada seorang wanita bernama 'Timah' untuk projek ternakan udang.

Projek tersebut akan dilaksanakan oleh syarikat Kongsi Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat usahasama. YB Shuib mempunyai kepentingan dalam syarikat berkenaan kerana beliau adalah Pengarah Urusan syarikat dan juga pemegang saham. Perkara itu tidak diisytiharkan dalam mesyuarat EXCO.

Tiga hari selepas permohonan tanah diluluskan, YB Shuib mengahwini Timah sebagai isteri kedua beliau.

YB Shuib dituduh di mahkamah atas kesalahan salah guna kedudukan dan didapati bersalah. Beliau dijatuhkan hukuman setahun penjara.



Bekas Ketua Menteri menggunakan kuasa mutlak beri projek kepada ahli keluarga

Pada 5 Januari 1991, bekas Ketua Menteri sebuah negeri dituduh di Mahkamah Tinggi atas kesalahan rasuah dan salah guna kedudukan.

Semasa menjadi Ketua Menteri, beliau telah menggunakan kuasa mutlaknya untuk meluluskan projek pembangunan di negeri terbabit yang bernilai RM1,483,341.60 kepada syarikat Roti Kaya Sdn. Bhd. Syarikat itu sebenarnya dimiliki dua adik iparnya.

Beliau didapati bersalah dan mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM1,800 (atau satu bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar).

SEKSYEN 17A: KESALAHAN OLEH ORGANISASI KOMERSIAL

- Pengenalan
- Bagaimana kesalahan berlaku?
- Definisi organisasi komersial dan orang yang bersekutu dengannya
- Mengelakkan liabiliti korporat
- Contoh kes luar negara

“*Integrity, transparency and the fight against corruption have to be part of the culture. They have to be taught as fundamental values.*”

Angel Gurría,
OECD Secretary General

KESALAHAN OLEH ORGANISASI KOMERSIAL

59

- Seksyen **17A** Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- Dikenali juga sebagai kesalahan liabiliti korporat.
- Merupakan peruntukan baharu dalam Akta SPRM 2009.
- Diluluskan oleh Parlimen pada 5 April 2018.
- Berkuat kuasa pada 1 Jun 2020.

SOALAN LAZIM

Adakah kesalahan ‘liabiliti korporat’ yang dilakukan sebelum 1 Jun 2020 boleh didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009?

JAWAPAN: Peruntukan baharu ini tidak bersifat ‘*retrospective*’. Pendakwaan bagi kesalahan ini boleh dibuat bagi kesalahan yang berlaku selepas peruntukan undang-undang ini dikuatkuasakan (1 Jun 2020).

MEMENUHI OBLIGASI ANTARABANGSA

United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)

*Article 26 UNCAC: Liability of legal persons - “Each State Party shall adopt such measures as may be necessary, consistent with its legal principles, to establish the **liability of legal persons** for participation in the offences established in accordance with this Convention.”*

Trans-Pacific Partnership Agreement (TPP) & Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)

*Chapter 26 TPP, Article 26.7: Measures to Combat Corruption, para 3 - “Each Party shall adopt or maintain measures as may be necessary, consistent with its legal principles, to establish the **liability of legal persons** for offences described in paragraph 1 or 5. In particular, each Party shall ensure that legal persons held liable for offences described in paragraph 1 or 5 are subject to effective, proportionate and dissuasive criminal or non-criminal sanctions, which include monetary sanctions.”*

OBJEKTIF

Seksyen 17A Akta SPRM 2009

61

- 01 Menggalakkan aktiviti perniagaan dijalankan secara jujur dan bebas daripada rasuah.
- 02 Menggalakkan organisasi komersial melaksanakan langkah pencegahan rasuah dalam organisasi.
- 03 Mempromosikan tadbir urus baik dan pematuhan undang-undang pencegahan rasuah.

LIABILITI KORPORAT

SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009

Syarikat atau organisasi komersial dikenakan hukuman kerana membenarkan pegawai dan kakitangan mereka melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek (atau mendapat sesuatu faedah).




BAGAIMANA KESALAHAN RASUAH OLEH ORGANISASI KOMERSIAL BERLAKU?

63

- Seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial.
- Memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan (rasuah) kepada mana-mana orang.
- Suapan (rasuah) bertujuan:
 - a. untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
 - b. untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

ORGANISASI KOMERSIAL

Terdapat 4 kategori organisasi yang boleh didakwa kerana rasuah.



SESEORANG YANG BERSEKUTU DENGAN ORGANISASI KOMERSIAL

Perbuatan rasuah
oleh individu ini
boleh menyebabkan
organisasi mereka
didakwa.

- Pengarah, rakan kongsi atau pekerja.
- Individu yang melaksanakan tugas bagi pihak organisasi komersial berkenaan.

ILUSTRASI KESALAHAN 1

Memberi rasuah untuk **memperoleh**
atau **mengekalkan** sesuatu projek



- Syarikat Dadidu Sdn. Bhd. menjalankan penyelenggaraan pejabat.
- Mahmud adalah pegawai pemasaran syarikat itu.
- Mahmud telah memberi rasuah RM20,000 kepada pengarah syarikat Alam Barzakh Sdn. Bhd.
- Tujuan rasuah agar syarikat Dadidu Sdn. Bhd. mendapat projek bagi menyelenggara pejabat syarikat Alam Barzakh Sdn. Bhd.
- Tindakan Mahmud itu boleh menyebabkan syarikat Dadidu Sdn. Bhd. dan pengurusan syarikat didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

ILUSTRASI KESALAHAN 2

Memberi rasuah untuk memperoleh sesuatu **faedah** bagi organisasi komersial

67

- Dato' Ravi adalah Pengarah Urusan syarikat AXA Network Sdn. Bhd.
- Beliau memberi suapan RM25,000 dalam bentuk cek AXA Network Sdn. Bhd. kepada Pengurus Perolehan, Telekom Malaysia Berhad.
- Rasuah bertujuan mendapatkan maklumat tender "*for the supply of Wideband Code Division Multiple Access (WDCMA) Mobile Communication System and the Provision of Works phase II*".
- Tindakan Dato' Ravi boleh menyebabkan syarikat AXA Network Sdn. Bhd. dan pengurusan syarikat didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.



HUKUMAN BAGI KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009

DENDA tidak kurang 10 kali ganda nilai suapan, atau RM1 juta, mengikut mana- mana yang lebih tinggi.	ATAU	PENJARA tidak lebih 20 tahun.	ATAU
		Kedua-dua sekali.	



Sekiranya didapati bersalah, siapa yang boleh dihukum?

69

1. Organisasi komersial itu sendiri.
2. Pengarah, orang yang mempunyai kawalan (terhadap organisasi komersial), rakan kongsi atau pegawai.
3. Sesiapa yang terlibat dalam pengurusan organisasi komersial berkenaan.

INDIVIDU BOLEH MENGELAKKAN HUKUMAN DENGAN MEMBUKTIKAN:

- Kesalahan dilakukan tanpa keizинannya atau penglibatannya; dan
- Dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan tersebut.

MENGELAKKAN LIABILITI KORPORAT

Organisasi komersial yang dituduh di mahkamah mesti membuktikan tatacara (usaha) yang mencukupi untuk mencegah jenayah rasuah telah dilaksanakan dalam organisasi terbabit.

TATACARA (USAHA) MENCUKUPI?

- Seksyen 17A(5) Akta SPRM 2009 - Menteri mengeluarkan Garis Panduan Tatacara Mencukupi.
- Garis panduan ini telah dikeluarkan dan dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 10 Disember 2018.

MENGELAKKAN LIABILITI KORPORAT

71

T *op level commitment*

R *isk assessment*

U *ndertake control measures*

S *ystematic review, monitoring
and enforcement*

T *raining and communication*

TRUST

TONE FROM THE TOP



- Jaminan kepada *stakeholders* bahawa organisasi akan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- Memantau tahap integriti dan tadbir urus organisasi.
- Menyediakan bajet dan sumber manusia untuk menggerakkan usaha pencegahan rasuah.

TRUST

RISK ASSESSMENT

73



- Melaksanakan penilaian risiko rasuah dan *fraud* dalam organisasi.
- Dicadangkan, dibuat setiap tiga tahun.
- Menambah baik sistem dan prosedur yang lemah.
- Penilaian risiko turut melibatkan pihak luar yang dilantik oleh organisasi komersial.

TRUST

UNDERTAKE CONTROL MEASURES

- Mewujudkan polisi syarikat mengenai rasuah.
- Melaksanakan *due-diligence*.
- Menggalakkan pelaporan rasuah.
- Mewujudkan garis panduan mengenai:
 - *Conflict of interest*
 - Hadiah dan keraian
 - Sumbangan dan penajaan termasuk sumbangan politik
 - Bayaran kemudahan (*Facilitation payment*)



PENTING: Syarikat mesti memastikan polisi, prosedur serta inisiatif antirasuah dilaksanakan dan didokumentasikan.

TRUST

SYSTEMATIC REVIEW, MONITORING AND ENFORCEMENT

75



- Penilaian/penambahbaikan berterusan terhadap:
 - polisi dan prosedur antirasuah
 - program antirasuah
- Melantik individu kompeten untuk audit dalaman inisiatif antirasuah.
- Melantik audit luar untuk melihat pematuhan terhadap prosedur antirasuah - contoh, ISO 37001.
- Memantau pegawai/kakitangan.
- Mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat rasuah dan salah laku.

TRUST

TRAINING AND COMMUNICATION

- Polisi dan prosedur antirasuah mesti dihebahkan.
- Latihan kepada warga organisasi dalam pencegahan rasuah.
- Melaksanakan program kesedaran antirasuah secara berterusan.



SOALAN LAZIM

Bagaimana organisasi komersial ingin memastikan usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan itu mencukupi atau tidak?

JAWAPAN: Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah Seksyen 17A(5) Akta SPRM 2009 hanya memberi panduan mengenai usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh sesebuah organisasi komersial untuk mencegah jenayah rasuah.

Hanya mahkamah yang boleh membuat keputusan sama ada usaha yang dilaksanakan itu mencukupi atau tidak.

Usaha-usaha pencegahan rasuah ini mesti sesuai dengan saiz organisasi, jenis perniagaan dan kedudukan kewangan organisasi komersial terbabit.


Contohnya, syarikat yang mempunyai 1,000 pekerja, memerlukan pelaksanaan usaha pencegahan rasuah yang banyak, berbanding syarikat yang mempunyai 100 pekerja.

SOALAN LAZIM

Apakah tanggungjawab pengurusan sesebuah organisasi komersial (rakan kongsi, Ahli Lembaga Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif) bagi mengelakkan pendakwaan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009?

JAWAPAN: Tanggungjawab pengurusan sesebuah organisasi komersial adalah:

1. tidak mengizinkan pegawai dan kakitangan menggunakan rasuah untuk mendapat projek atau apa-apa faedah bagi organisasi komersial terbabit.
2. melaksanakan usaha pencegahan rasuah yang mencukupi bagi memastikan rasuah tidak berlaku di organisasi komersial terbabit.



CONTOH KES
LUAR NEGARA

berkaitan liabiliti
korporat



Syarikat pertama didakwa di bawah UK Bribery Act 2010

Sweett Group PLC (Sweett), merupakan penyedia perkhidmatan profesional dalam sektor pembinaan di United Kingdom. Sweett menjadi syarikat pertama yang didakwa dan disabitkan hukuman kerana rasuah di United Kingdom.

Siasatan Serious Fraud Office (SFO) ke atas Sweett bermula sekitar Jun 2014. Siasatan mendapati anak syarikat Sweett di Timur Tengah iaitu Cyril Sweett International Limited telah membuat bayaran rasuah kepada pegawai kanan Al Ain Ahlia Insurance Company. Rasuah bertujuan untuk memenangi kontrak khidmat perundingan bagi pembinaan Hotel Rotana di Abu Dhabi.

Pada Disember 2015, Sweett mengaku bersalah kerana gagal melaksanakan usaha pencegahan rasuah seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 7(1)(b) UK Bribery Act 2010. Pada 19 Februari 2016, Southwark Crown Court mendenda Sweett sebanyak £2.25 juta. Mahkamah juga mengarahkan Sweett menanggung kos siasatan SFO sebanyak £95,000.

Mengaku salah, didenda £671 juta



Rolls-Royce didakwa membayar jutaan pound bagi memperoleh kontrak kejuruteraan awam dan ketenteraan di beberapa buah negara. Rasuah dibayar oleh pegawai Rolls-Royce atau melalui orang tengah, dari tahun 1999 sehingga 2013.

Pada Januari 2017, Rolls-Royce bersetuju membayar penalti sebanyak £671 juta bagi mengelakkan pendakwaan oleh pihak berkuasa United Kingdom, United State of America dan Brazil.

Walaupun Rolls-Royce telah dikenakan penalti, perkara itu tidak menghalang individu yang terlibat didakwa. Pada November 2017, tiga bekas pegawai Rolls-Royce mengaku bersalah atas dakwaan rasuah; seorang pekerja syarikat perunding yang bertindak bagi pihak Rolls-Royce turut mengaku bersalah atas dakwaan rasuah; dan seorang lagi yang didakwa adalah 'orang tengah' kepada Rolls-Royce.



**Siasatan oleh 3
negara, didenda
USD4 bilion**

Airbus merupakan syarikat gergasi aeroangkasa dan pengeluar kapal terbang terbesar di Eropah. Perniagaan Airbus merangkumi (pengeluar) kapal terbang komersial, helikopter, keselamatan, pertahanan dan penerokaan angkasa.

Pada tahun 2016, French National Financial Prosecutor's Office, United Kingdom Serious Fraud Office (SFO) dan United State Department of Justice (DoJ) memulakan siasatan terhadap Airbus kerana skandal rasuah.

Siasatan mendapati Airbus menggunakan rangkaian agen rahsia untuk membayar rasuah dalam jumlah yang banyak kepada pegawai luar negara untuk memperoleh kontrak bernilai tinggi.

Pada Januari 2020, Airbus bersetuju membayar penalti sebanyak USD4 bilion selepas mengaku menggunakan rasuah bagi memperoleh kontrak di 20 negara. Airbus mengaku gagal melaksanakan usaha pencegahan rasuah.

RASUAH: JENAYAH SERIUS

- Kesalahan pengubahan wang haram
- Rasuah: Kesalahan boleh tangkap
- Harta hasil rasuah dirampas

“*Nearly all men can stand adversity,
but if you want to test a man's
character, give him power.*”

Abraham Lincoln

KESALAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM

Kesalahan rasuah dikategorikan sebagai kesalahan berat. Sebarang transaksi pembelian atau pelaburan dengan menggunakan hasil rasuah merupakan jenayah pengubahan wang haram dan boleh dihukum di bawah **Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001)**.

85



Apakah pengubahan wang haram?

1

Merupakan aktiviti untuk menyembunyikan (*disguise*) dan membersihkan harta yang diperoleh daripada sumber haram.

2

Proses menjadikan wang haram kelihatan 'bersih'.

Mana-mana orang yang ...

- a. melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- b. memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- c. mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau
- d. merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.

... melakukan kesalahan pengubahan wang haram.

JIKA SABIT KESALAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM

87




PENJARA tidak lebih 15 tahun; DAN



DENDA 5 kali nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

- Seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001 -

ILUSTRASI KESALAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM



NOTA: Setiap transaksi pembelian atau pelaburan dengan menggunakan hasil aktiviti haram (seperti ilustrasi di atas) adalah satu bentuk pengubahan wang haram.

CONTOH



TERTUDUH

Merupakan Setiausaha Sulit
Kanan kepada seorang Menteri.

Menggunakan kedudukannya untuk
meminta/menerima komisen (melalui
proksi) daripada kontraktor-kontraktor
yang memohon projek di bawah
Kementerian Kewangan (MOF) bagi
mendapatkan kelulusan projek.



**BAGAIMANA
RASUAH
DILAKUKAN?**



BENTUK RASUAH

- 1% - Apabila **surat kelulusan**
MOF dikeluarkan.
- 2% - Apabila **surat niat**
dikeluarkan.
- 2% - Apabila kontraktor menerima
surat tawaran MOF.



Siasatan: Menemui wang tunai RM2,134,656

Pertuduhan: 28 pertuduhan di bawah AMLATFPUAA 2001

Lucut hak: Rumah banglo dan rumah kedai (RM4.6 juta)



Rasuah dan gubah wang haram, bekas pengarah JKR dipenjarakan dan didenda RM36 juta

MELAKA, 5 Julai 2018 - Bekas Pengarah JKR Melaka dihukum penjara 22 tahun enam bulan dan didenda RM36 juta atas 15 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram.

Bagi 13 pertuduhan rasuah, tertuduh didakwa menerima suapan tunai berjumlah RM196,200 di pejabat JKR Melaka antara Mac 2014 dan Ogos 2016.

Lima pertuduhan pengubahan wang haram bernilai lebih RM5.2 juta pula melibatkan transaksi berikut:

- Pelaburan RM206,396.16 dalam akaun ASB 2;
- Simpanan RM506,735.92 dalam Tabung Haji;
- Transaksi tunai RM375,200;
- Pelaburan RM1.98 juta dalam ASW 2020; dan
- Pelaburan RM2.13 juta dalam Amanah Saham Didik.

Kesalahan tersebut dilakukan di beberapa lokasi di Melaka antara 1 September 2015 dan 15 Ogos 2016.

RASUAH: KESALAHAN BOLEH TANGKAP

Anda boleh menangkap pemberi rasuah

Rasuah merupakan kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran (*seizable offence*). Perkara ini adalah seperti mana peruntukan Seksyen 49(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Mengikut undang-undang, orang yang melakukan jenayah rasuah boleh ditangkap oleh:

- 1 Pegawai Polis (Seksyen 23 Kanun Prosedur Jenayah)
- 2 Penghulu (Seksyen 23 Kanun Prosedur Jenayah)
- 3 Majistret/Jaksa Pendamai (Seksyen 23 Kanun Prosedur Jenayah)
- 4 **Orang awam (Seksyen 27 Kanun Prosedur Jenayah)**
- 5 Pegawai SPRM

Sekiranya anda (orang awam) ditawarkan rasuah, tindakan berikut perlu dilakukan:

1

Memberi amaran bahawa perbuatan memberi rasuah adalah satu kesalahan.

2

Sekiranya, pemberi rasuah masih meneruskan niatnya untuk memberi rasuah, maka tangkapan boleh dibuat.



CARA MENANGKAP

Seksyen 15 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) memberi panduan bagaimana tangkapan boleh dibuat seperti berikut:

1

Disentuh badannya dan ditahan. Kecuali dia menyerah diri melalui perkataan atau perbuatan.

2

Sekiranya dihalang, sebarang langkah perlu untuk membuat tangkapan boleh digunakan.

3

Bagaimanapun, tidaklah sehingga menyebabkan kematian.





Bagaimana pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) hendak menangkap pemberi rasuah?



Pegawai JPJ tiada kuasa menangkap pemberi rasuah menurut Akta Pengangkutan Jalan.

1

Bagaimanapun, pegawai JPJ boleh menangkap pemberi rasuah melalui kuasa tangkapan oleh orang awam.

2

Berdasarkan Seksyen 27 KPJ yang memperuntukkan 'mana-mana orang awam boleh membuat tangkapan'.

3

Tindakan yang sama boleh dilakukan oleh mana-mana orang awam.

Sekiranya tangkapan **TIDAK BOLEH DIBUAT** atau **TIADA KEMAMPUAN** untuk membuat tangkapan, maka ...

1

Dengan segera melaporkan kepada SPRM mengenai penawaran atau pemberian wang rasuah.

2

Wang yang diberi (rasuah) mesti disimpan dan diserahkan kepada SPRM secepat mungkin.

3

Wang tersebut tidak boleh digunakan (dibelanjakan) kerana ia merupakan bukti penting untuk siasatan dan pendakwaan kes tersebut.

4

Paling baik sekiranya ada orang lain yang turut menyaksikan pemberian wang rasuah. Orang itu penting untuk menjadi saksi kepada SPRM dan mahkamah nanti. Saksi tersebut boleh jadi kawan sepejabat atau lain-lain.

HARTA HASIL RASUAH DIRAMPAS

96

Harta atau aset yang dimiliki dengan menggunakan hasil rasuah boleh **disita** dan **dilucut hak**.

Pelucuthakan dilakukan sama ada melalui Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Seksyen 40 dan 41 Akta SPRM 2009) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Seksyen 55 dan 56 AMLATFPUAA 2001).

Pelucuthakan harta dibuat dalam dua keadaan iaitu:

a

Pelaku rasuah **didakwa** di mahkamah; atau

b

Pelaku rasuah **tidak didakwa** di mahkamah.

CONTOH

Banglo bekas Menteri Besar dilucut hak

Dalam kes melibatkan seorang bekas Menteri Besar, hartanah (rumah banglo) dilucut hak oleh mahkamah setelah beliau didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Keputusan dibuat Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 23 Disember 2011. Seterusnya, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan tersebut.



Gambar hiasan

Rumah banglo dan rumah kedai milik bekas Setiausaha Sulit Kanan Menteri dilucut hak

Tertuduh disiasat dan didakwa kerana kesalahan menggunakan kedudukan dan hubungan rapatnya dengan seorang Menteri untuk memilih dan memberikan tender kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh proksi atau saudara maranya.

Pada 5 Mei 2011, Mahkamah Tinggi Shah Alam memutuskan rumah banglo (terletak di Seri Kembangan, Selangor) dan rumah kedai (terletak di Diamond Complex, Bangi Business Park) yang disita oleh SPRM dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Kedua-dua aset yang dianggar bernilai RM4.6 juta itu telah dibeli oleh seorang kontraktor dan diberikan kepada tertuduh sebagai komisen berhubung projek rundingan terus Agensi Anti Dadah Kebangsaan daripada Kementerian Kewangan.

PUNCA, SIMPTOM DAN KESAN RASUAH

- Faktor berlaku rasuah
- Simptom rasuah
- Kesan-kesan rasuah
- Contoh Kes

“*Integrity is doing the right thing,
even when no one is watching.*”

C.S. Lewis,
penulis novel dan ahli falsafah Inggeris

FAKTOR BERLAKU RASUAH

Menurut **Profesor John Hogarth** (Law Faculty, University of Canada), rasuah berpunca daripada sifat tamak (*greed*) dan kerana wujud peluang (*opportunity*).

101

ILUSTRASI

Tamak

Setiap orang memerlukan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kerana tamak, ada yang **mahukan lebih** daripada itu, sedangkan dia tidak mampu.



Peluang

Wujud kerana kelemahan kawalan dalaman, kerenah birokrasi, tiada pemantauan, tiada sistem pengasingan tugas dan penggunaan kuasa budi bicara. Contohnya, prosedur permohonan yang mempunyai banyak lapisan (birokrasi atau '*red tape*') sebelum diluluskan menyebabkan urusan menjadi lambat. Keadaan itu membuka peluang kepada pelanggan yang ingin cepat untuk menawarkan rasuah.



Donald R. Cressey (27 April 1919 - 21 Julai 1987) seorang pakar kriminologi Amerika Syarikat menyatakan tiga faktor yang mendorong jenayah *fraud* (termasuk rasuah) berlaku seperti berikut:

PELUANG

- Kawalan dalaman yang lemah.
- Sistem dan prosedur yang lemah.
- Tiada pemantauan.
- Tiada pengasingan kuasa.
- Banyak budi bicara.
- Kerenah birokrasi.

RASIONALISASI

- "Orang nak bagi. Ambil je la. Bukannya minta pun."
- "Bos pun ambil rasuah. Tak kan aku tak boleh *kot*."
- "Bukan duit dia pun. Dia akan *claim* kat syarikat."
- "Kalau saya tak ambil, orang lain akan ambil."

SEGITIGA FRAUD

Donald R. Cressey,
1987

TEKANAN

KEWANGAN

- Kos sara hidup yang tinggi.
- Masalah hutang.
- Hidup bermewah-mewah.
- Tabiat berjudi.

KEADAAN

- Tidak dinaikkan pangkat.
- Berasa gaji tidak setimpal dengan kerja yang dilakukan.
- Penilaian SKT yang rendah/tidak patut.

SIMPTOM RASUAH

Tanda-tanda mereka yang terlibat dengan jenayah rasuah:

- a. Perubahan gaya hidup mewah secara tiba-tiba.
- b. Kegagalan menjelaskan punca perolehan harta.
- c. Enggan dinaikkan pangkat atau ditukarkan.
- d. Panggilan telefon yang mencurigakan.
- e. Suka hidup berlagak seperti orang kaya.
- f. Hidup tertekan kerana hutang.
- g. Peletakan jawatan secara tiba-tiba.
- h. Perhubungan terlalu rapat antara kakitangan dengan pelanggan/jabatan/kontraktor.

103



KESAN-KESAN RASUAH

Kesan kepada individu

104



Reputasi jatuh dan dipandang hina oleh masyarakat.



Hilang kepercayaan.



Hidup tertekan.



Hilang keluarga dan rakan.



Maruah keluarga turut terjejas.



Kesan kepada organisasi

- Perkhidmatan menjadi tidak cekap.
- Sistem, prosedur dan peraturan menjadi tidak berkesan.
- Wujud ketidakadilan dalam perkhidmatan.
- Hilang kepercayaan pelanggan atau orang awam.
- Merosakkan imej jabatan atau organisasi.



Kesan kepada keselamatan negara



Kegiatan penyeludupan senjata api, dadah, judi, pelacuran dan anasir subversif yang serius.



Melindungi aktiviti jenayah dan mafia.



Menghasilkan bangunan dan infrastruktur yang tidak bermutu serta membahayakan.



Merosakkan ekosistem negara.



Boleh menyebabkan berlaku pergolakan sosial dan rusuhan akibat rakyat tidak puas hati dengan kerajaan.



Kerugian kepada syarikat

Pekerja yang mengamalkan rasuah akan mengutamakan keuntungan peribadi berbanding keuntungan syarikat. Mereka sanggup menjual maklumat dalaman syarikat kepada pesaing semata-mata kerana habuan lumayan.

Dalam projek pembinaan, kontraktor yang dipilih kerana rasuah mungkin menyebabkan projek tidak dilaksanakan dengan sempurna. Malah, boleh menyebabkan projek terbengkalai. Ini kerana, kriteria pemilihan bukan berdasarkan kelayakan, keupayaan atau kebolehan, tetapi jumlah rasuah yang ditawarkan. INGAT! Rasuah merupakan **'pelaburan' berbahaya yang berisiko tinggi**.

CONTOH

Kes rasuah di Sime Darby

Sime Darby mengumumkan kerugian sebanyak RM964 juta bagi suku tahun kedua tahun kewangan 2010. Berikutan itu, SPRM telah melancarkan 'Ops Bilion' bagi menyiasat kes kerugian syarikat berkaitan kerajaan itu.

Hasil siasatan membawa kepada penangkapan tiga pegawai kanan Sime Darby yang terlibat dengan rasuah.

Kos barang/perkhidmatan meningkat

Bayaran rasuah untuk memperoleh sesuatu projek atau kontrak akan meningkatkan kos operasi. Apabila kos operasi meningkat, harga barang/perkhidmatan turut akan menjadi lebih mahal.

Menurut kajian Transparency International, rasuah menyebabkan penambahan 10% kepada kos untuk menjalankan perniagaan.

Ilustrasi

A, seorang peniaga membayar rasuah RM500 secara bulanan kepada penguat kuasa Majlis Perbandaran XXX. Rasuah adalah bagi memastikan premisnya tidak diperiksa dan diganggu oleh penguat kuasa berkenaan.

Bagi mengekalkan keuntungannya, A menyerap kos bayaran rasuah tersebut dalam harga barang-barang yang dijual.

Syarikat boleh didakwa

Mulai 1 Jun 2020, Seksyen 17A Akta SPRM 2009: Kesalahan oleh organisasi komersial dikuatkuasakan. Peruntukan ini juga dikenali sebagai 'liabiliti korporat'. Liabiliti korporat bermaksud syarikat itu sendiri boleh didakwa sekiranya membenarkan pegawai/kakitangannya menggunakan rasuah untuk mendapat sesuatu kontrak/projek.

Perincian mengenai kesalahan liabiliti korporat adalah seperti di muka surat 57 hingga 82. Contoh syarikat yang dikenakan penalti kerana rasuah dinyatakan juga di muka surat 117 hingga 119.


Alcatel disenarai hitam kerana rasuah

Disenarai hitam oleh Kerajaan Malaysia berikutan pengakuan oleh Alcatel Amerika Syarikat bahawa syarikat gergasi itu membuat pembayaran rasuah kepada 'perunding' di negara ini bagi mendapatkan '*marketing report and studies*' dan '*strategic intelligence report on Celcom's positioning in the cellular industry in relation to its competitor*'.

Penyenaraian hitam, penggantungan atau sebarang tindakan ke atas syarikat tempatan mahupun syarikat antarabangsa adalah sebagai salah satu langkah pencegahan terhadap mana-mana syarikat yang terlibat dalam perbuatan jenayah rasuah bagi mendapatkan sebarang kontrak perkhidmatan, pembekalan atau pembangunan.

Kesan kepada pertumbuhan ekonomi

EKONOMI







Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun gantung diri kerana rasuah

Toshikatsu Matsuoka adalah ahli politik Jepun semasa pentadbiran Perdana Menteri Shinzo Abe. Matsuoka memegang jawatan sebagai Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan bermula dari 26 September 2006. Semasa memegang jawatan tersebut, beliau berhadapan dengan dakwaan rasuah dan penyelewengan wang kerajaan. Beliau dikatakan telah berbelanja lebih 28 juta yen (\$236,600, £118,300) untuk utiliti pejabat rasminya. Padahal, beliau sebenarnya tidak perlu membayar apa-apa sewa dan belanja utiliti bagi pejabat tersebut. Sebelumnya, Matsuoka memohon maaf kerana kegagalan untuk mengisytiharkan sumbangan politik yang diterimanya.

Pada 28 Mei 2007, Matsuoka membunuh diri (dengan menggantung diri) di pangsapurinya dan meninggal dunia di Hospital Universiti Keio, Tokyo. Pada hari itu (tengah hari), beliau dijadualkan ke Parlimen untuk menjawab kepada Jawatankuasa Parlimen berhubung dakwaan rasuah dan penyelewengan.



Ahli Politik Amerika Syarikat menembak diri sendiri semasa sidang akhbar

Robert Budd Dwyer (21 November 1939 - 22 Januari 1987) merupakan Ahli Senat Pennsylvania dari tahun 1971 hingga 1981 dan menjawat jawatan Treasurer of Pennsylvania dari 20 Januari 1981 hingga 22 Januari 1987. Sekitar tahun 1980-an, penjawat awam di Pennsylvania didapati terlebih bayar cukai Federal Insurance Contributions Act berjumlah jutaan dolar. Dwyer didakwa menggunakan kedudukannya dan menerima rasuah berjumlah \$300,000 bagi memastikan syarikat Computer Technology Associates (CTA) dilantik kerajaan bagi menentukan bayaran balik lebih cukai kepada pekerja. Kontrak perkhidmatan berkenaan bernilai \$4.6 juta.

Pada 18 Disember 1986, Dwyer didapati bersalah oleh mahkamah dan dijatuhkan hukuman 55 tahun penjara dan denda \$300,000. Hukuman bermula 23 Januari 1987. Menurut undang-undang Pennsylvania, beliau masih lagi dibenarkan untuk memegang jawatannya sehingga tarikh hukuman dilaksanakan. Pada 22 Januari 1987 iaitu sehari sebelum beliau mula menjalani hukuman, Dwyer mengadakan sidang akbar di ibu negeri Pennsylvania, Harrisburg.

Di dalam sidang akhbar tersebut, beliau yang kelihatan tertekan dan amat gementar masih mengatakan bahawa beliau tidak bersalah dan mengisytiharkan tidak akan meletak jawatan. Setelah itu, Dwyer mengeluarkan sepucuk revolver .357 daripada sampul surat sebelum membunuh diri dengan memasukkan revolver itu ke mulut dan menembaknya. Tindakan itu dilakukan di hadapan wartawan yang hadir. Sehingga kini, video tersebut masih boleh ditonton di YouTube.



Menteri Pembangunan Singapura bunuh diri semasa siasatan CPIB

Kontraktor binaan, Liu Cho Hit menawarkan sogokan satu juta Dolar Singapura (SGD1,000,000) kepada seorang lagi kontraktor, Liaw Teck Kee bertujuan meminta Liaw melindungi Menteri Pembangunan Singapura, **Teh Cheang Wan** (1979-1986) dalam siasatan rasuah.

Liaw bukan sahaja menolak tawaran tersebut malah membuat laporan kepada Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB). Teh Cheang Wan disoal siasat oleh CPIB dan beliau akhirnya bertindak membunuh diri pada 14 Disember 1986.

Semasa sesi Parlimen pada 4 Mac 1987, Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew memberi jaminan bahawa Kerajaan Singapura tidak akan melindungi sesiapa sahaja yang terlibat dengan rasuah. Pada 26 Mac 1987, satu suruhanjaya siasatan dibentuk.

Dalam keterangan Liaw kepada Suruhanjaya Siasatan CPIB, Liaw mengaku bahawa beliau yang berperanan sebagai 'orang tengah', telah dua kali memberi sogokan kepada Teh Cheang Wan, setiap kali bernilai SGD500,000. Daripada jumlah SGD1,000,000, Teh Cheang Wan memberi komisen SGD200,000 kepada Liaw. Penolong Pengarah Kanan CPIB turut memaklumkan bahawa Teh Cheang Wan mengaku menerima sogokan. Teh Cheang Wan menawarkan diri untuk meletak jawatan dan bersedia memulangkan wang rasuah berjumlah SGD800,000 sekiranya beliau tidak didakwa.



Pejabat majlis perbandaran hampir dilelong kerana rasuah

Pada 9 Februari 2004, Yang DiPertua (YDP) Majlis Perbandaran Andalusia (bukan nama sebenar) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas empat pertuduhan rasuah. Beliau didakwa meminta dan menerima rasuah daripada syarikat AAA, iaitu kontraktor yang membangunkan tanah milik Majlis Perbandaran Andalusia untuk projek perumahan. Rasuah bertujuan sebagai balasan agar YDP meluluskan projek dan memastikan kelicinannya.

Pertuduhan rasuah ke atas YDP adalah seperti berikut:

1. Meminta suapan RM300,000;
2. Bersetuju menerima suapan RM25,000;
3. Bersetuju menerima suapan RM60,000; dan
4. Menerima set golf Mizuno.

Pada 29 November 2006, hakim mensabitkan YDP atas kesemua pertuduhan. Walaupun dirayu, sabitan dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi. YDP dihukum penjara sembilan tahun (berjalan serentak empat tahun) dan denda RM1.945 juta.

Sambungan ...

Semasa menjatuhkan hukuman, hakim menyatakan bahawa kesalahan yang dilakukan YDP adalah serius kerana menjatuhkan imej Majlis Perbandaran Andalusia, kerajaan negeri dan Malaysia.

Dalam kes tersebut, YDP bukan sahaja meminta dan menerima rasuah, beliau juga bertindak secara tidak sah menamatkan kontrak syarikat AAA yang sedang menjalankan kerja pembangunan di atas tanah Majlis Perbandaran Andalusia.

Syarikat AAA telah mengemukakan tuntutan sivil di mahkamah. Pada 4 Februari 2005, mahkamah memutuskan Majlis Perbandaran Andalusia mesti membayar ganti rugi (akan ditaksirkan oleh pendaftar) kepada syarikat AAA.

Susulan itu, pejabat Majlis Perbandaran Andalusia telah disita selama dua minggu dan nyaris dilelong pada 28 Ogos 2006 setelah gagal membayar ganti rugi RM6.35 juta kepada syarikat AAA.



Siemens AG, konglomerat Jerman didenda USD1.6 bilion

Siemens AG merupakan syarikat kejuruteraan elektronik terbesar di Eropah. Konglomerat Jerman ini berpangkalan di Munich dan Berlin. Siemens berhadapan dakwaan rasuah dan penyelewengan di 20 buah negara. Kontroversi rasuah melibatkan Siemens bermula lewat tahun 2002 sehingga 2006.

Siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa mendapati syarikat tersebut ada membuat bayaran yang meragukan kepada pihak-pihak tertentu berjumlah €1.3 bilion. Dipercayai jumlah itu adalah bayaran rasuah bertujuan memenangi bidaan kontrak bagi projek-projek besar. Penemuan tersebut menyebabkan Siemens berhadapan inkuiri di Jerman, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain.

Siemens dibelenggu isu rasuah hampir tiga tahun. Negara-negara yang menjalankan siasatan dan pendakwaan terhadap Siemens termasuklah Amerika Syarikat, Rusia, China, Nigeria dan Malaysia.

Dalam bulan Disember 2008, Siemens akhirnya mengaku bersalah atas dakwaan rasuah yang serius. Siemens bersetuju membayar penalti sebanyak USD1.6 bilion.



Alcatel-Lucent SA didenda USD137 juta dan disenarai hitam oleh Kerajaan Malaysia

Alcatel-Lucent adalah syarikat telekomunikasi antarabangsa yang berpangkalan di Perancis. Syarikat ini didakwa melakukan dua kesalahan rasuah di bawah Foreign Corrupt Practices Act (FCPA). Pembayaran rasuah dibuat kepada pegawai kerajaan Costa Rica, Honduras, Taiwan dan Malaysia bertujuan untuk mendapatkan dan mengekalkan kontrak kerajaan bernilai jutaan dollar (US Dollar).

Pada 28 Disember 2010, Alcatel Lucent bersetuju membayar penalti lebih USD137 juta (RM430.4 juta) untuk menyelesaikan pendakwaan pihak berkuasa Amerika Syarikat.

Bagi kesalahan rasuah yang berlaku di Malaysia, siasatan SPRM bermula setelah Alcatel (Amerika Syarikat) membuat pengakuan bahawa Alcatel Malaysia ada membuat bayaran rasuah kepada pegawai Telekom Malaysia. Menurut mereka, tidak kurang 17 kali pembayaran dibuat antara tahun 2004 hingga 2006 bertujuan mendapatkan '*non-public information relating to ongoing tender offers*'.

Siasatan membawa kepada pertuduhan bekas pegawai Alcatel Telecommunications Networks (M) Sdn. Bhd., Puan Amani (bukan nama sebenar) kerana kesalahan memberi rasuah berjumlah RM25,000 kepada pegawai Telekom Malaysia sekitar tahun 2006. Pada 1 Mac 2013, Puan Amani disabitkan hukuman dan dijatuhkan dua tahun penjara dan didenda RM125,000. Kes masih dalam rayuan.



Alstom, syarikat janakuasa dunia didenda USD42.7 juta

Alstom merupakan pemain utama dalam industri janakuasa tenaga, 'power transmission' dan 'rail transport'. Syarikat ini telah bertapak di Malaysia sejak 41 tahun yang lalu dan mempunyai 800 pekerja.

Alstom menjadi sasaran dan tumpuan media apabila disiasat kerana dakwaan rasuah. Seperti Siemens dan Alcatel, Alstom juga dikatakan menggunakan rasuah untuk mendapatkan kontrak di beberapa buah negara.

Dalam bulan November 2011, anak syarikat Alstom di Switzerland bersetuju membayar denda USD42.7 juta kepada agensi penguat kuasa Switzerland bagi menyelesaikan dakwaan rasuah tersebut.

Selain itu, dua eksekutif Alstom iaitu Pierucci (45) dan David Rothschild (67) dituduh di mahkamah kerana merasuah pegawai kerajaan Indonesia untuk mendapatkan kontrak berkaitan perkhidmatan janakuasa elektrik. Menurut laporan, pegawai yang dirasuah termasuk ahli Parlimen dan pegawai tinggi Perusahaan Listrik Negara, syarikat janakuasa milik Kerajaan Indonesia. Seorang lagi eksekutif Alstom iaitu William Pomponi (65) didakwa di bawah Foreign Corrupt Practices Act (FCPA) dan kesalahan pengubahan wang haram.



Rasuah, perlombongan dan penyeludupan pasir

Pelakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa menyebabkan berlakunya penyeludupan serta perbuatan mencuri pasir. Dianggarkan sebanyak 3,000 lori digunakan untuk mengangkut (menyeludup) pasir selama setahun, **kerugian boleh mencecah hampir RM600 juta.**

Bagi kes penyeludupan pasir ke negara jiran, anggaran kerugian yang ditanggung adalah sekitar RM145 juta setahun, dengan mengambil kira pasir yang diangkut menggunakan kapal yang berkapasiti antara 4,000 tan sehingga 5,000 tan sebanyak dua kali sehari.

Kegiatan mencuri dan perlombongan haram pasir ini juga menyebabkan kerosakan alam sekitar. Pengorekan pasir yang melebihi had yang dibenarkan boleh mengubah corak aliran air sungai dan seterusnya mengganggu habitat tumbuhan dan haiwan. Flora dan fauna diancam kepupusan apabila aktiviti mencuri pasir dilakukan dengan rakus tanpa menghiraukan impak kepada hidupan lain.

*Sumber:
Laporan Tahunan SPRM 2010*



Ketirisan cukai kastam

Dianggarkan **RM2.2 bilion cukai kastam** hilang kerana rasuah dan penipuan cukai. Selain kerugian kerajaan, banyak barang terlarang berjaya dibawa masuk.

Pada 28 Mac 2011, 'Ops 3B' dilancarkan untuk memastikan ketirisan cukai kastam ini dihentikan. Operasi disertai Jabatan Peguam Negara, SPRM, Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Cyber Security.

Serbuan secara serentak dilakukan terhadap 84 ejen penghantaran, 24 syarikat dan 25 premis Jabatan Kastam seluruh Malaysia.

Kesan operasi tersebut serta pelbagai pendekatan serta strategi yang dilaksanakan oleh JKDM, hasil kutipan duti atau cukai kastam telah mengalami peningkatan sebanyak 7.4% (RM2.1 bilion), iaitu daripada RM28.3 bilion (2010) kepada RM30.4 bilion (2011).

*Sumber:
Laporan Tahunan SPRM 2011*



Pintu masuk negara diceroboh

Hasil pemerhatian SPRM, dianggarkan **1,000 - 1,500 pendatang asing tanpa izin (PATI)** lolos masuk ke negara ini setiap hari. Purata bayaran yuran pas lawatan (kerja sementara) serta levi yang sepatutnya yang dikenakan adalah RM800 seorang.

Mengambil kira bilangan PATI yang memasuki negara setiap hari serta yuran yang perlu dibayar oleh seorang PATI, Kerajaan Malaysia dianggarkan mengalami kerugian mencecah RM86.4 juta setahun akibat ketidakpatuhan prosedur imigresen yang berpunca daripada amalan rasuah.

Menurut laporan BERNAMA bertarikh 23 Mac 2010, Menteri Dalam Negeri menganggarkan kira-kira RM171 juta terpaksa dibelanjakan oleh kerajaan untuk pengurusan tahanan dan pengusiran PATI dalam tahun 2009. Kemasukan pendatang asing yang tidak terkawal akan menambahkan bebanan kepada kerajaan.

Kerajaan juga terpaksa menanggung kos-kos tambahan yang sukar dianggarkan apabila mengambil kira aspek keselamatan, implikasi sosial dan kesihatan.

*Sumber:
Laporan Tahunan SPRM 2010*

LAPORKAN RASUAH

- Tanggungjawab membuat aduan
- Perlindungan kepada pemberi maklumat
- Perlindungan kepada saksi
- Laporkan rasuah
- Contoh maklumat

“*The strength of a nation
derives from the integrity of
the home.*”

Confucius

TANGGUNGJAWAB MEMBUAT ADUAN



i. **Wajib lapor tawaran/pemberian rasuah**

Mana-mana orang yang dijanji, ditawarkan, atau diberi rasuah untuk melakukan sesuatu perkara, wajib melaporkan kepada SPRM.

Gagal melapor - boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.



ii. **Wajib lapor permintaan/penerimaan rasuah**

Mana-mana orang yang diminta atau cuba diperoleh (daripada beliau) suapan, maka wajib lapor kepada SPRM.

Gagal melapor - boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT DAN SAKSI KES RASUAH

126

Beza pemberi maklumat dan saksi:

PEMBERI MAKLUMAT	SAKSI
▶ Mana-mana orang yang membuat pendedahan tentang sesuatu jenayah (rasuah) berdasarkan kepada kepercayaannya yang munasabah.	▶ Orang yang mempunyai pengetahuan langsung melalui penglihatan, pendengaran dan penglibatannya dalam sesuatu kelakuan jenayah.
▶ Dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.	▶ Dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

PERLINDUNGAN KEPADA **PEMBERI MAKLUMAT**

SYARAT-SYARAT PERLINDUNGAN

- ▶ Pemberi maklumat mestilah bersedia untuk dikenali oleh SPRM.
- ▶ Sekiranya pendedahan rasuah dibuat melalui surat, e-mel, panggilan telefon atau khidmat pesanan ringkas (SMS), pemberi maklumat mesti menyatakan identiti dan bagaimana beliau boleh dihubungi.
- ▶ Sekiranya pemberi maklumat tidak dapat dikenal pasti, tiada perlindungan boleh diberikan.



JENIS PERLINDUNGAN

Bentuk perlindungan diberikan kepada pemberi maklumat seperti mana diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 seperti berikut:

Perlindungan terhadap tindakan
yang memudaratkan pemberi
maklumat.

1

Perlindungan diberi apabila seseorang
pemberi maklumat dikenakan
tindakan (oleh jabatan atau syarikat).

2

Kerahsiaan identiti pemberi
maklumat itu sendiri.

3

Diberi kekebalan daripada tindakan
sivil, jenayah atau tatatertib akibat
daripada pendedahan (rasuah) yang
telah dibuat kepada SPRM.

BENTUK REMEDI

Sekiranya pemberi maklumat diambil tindakan yang memudaratkan, beliau mesti **segera melaporkannya** kepada Pegawai Penyiasat SPRM.

Pegawai Penyiasat SPRM akan membantu agar perlindungan diberikan kepada pemberi maklumat. Melalui permohonan kepada mahkamah, pemberi maklumat akan mendapat remedi berikut:

- 1 Pampasan, ganti rugi atau *relief* lain.
- 2 Injunksi (terhadap orang yang mengambil tindakan yang memudaratkan).
- 3 Memerintahkan tindakan personel seperti kembali bertugas atau mengembalikan jawatan.
- 4 Jika penempatan semula tidak boleh diberi, orang yang mengambil tindakan memudaratkan terhadap pemberi maklumat mesti **membayar pampasan** sebagai ganti penempatan semula.


LIABILITI dan TINDAKAN ke atas orang yang mengambil tindakan memudaratkan

- ▶ Membayar pampasan atau ganti rugi.
- ▶ Melakukan kesalahan jenayah.

Jika didapati bersalah boleh didenda RM100,000 atau penjara maksimum 15 tahun atau kedua-duanya sekali.



PEMBATALAN PERLINDUNGAN kepada pemberi maklumat apabila:



PERLINDUNGAN KEPADA **SAKSI**

Apabila **SAKSI** merasa terancam (akibat pendedahan jenayah rasuah kepada SPRM), beliau mesti membuat laporan kepada SPRM.

Maklumat saksi akan dikemukakan kepada Unit Perlindungan Saksi (UPS), Jabatan Perdana Menteri untuk didaftarkan.

Unit Perlindungan Saksi akan menyelaraskan dengan agensi-agensi berkaitan seperti SPRM, PDRM, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan lain-lain agensi untuk menyediakan perlindungan dan bantuan kepada saksi terbabit.

Perlindungan akan diberi berdasarkan kepada:

- bentuk ancaman yang beliau hadapi; dan
- bentuk perlindungan yang dipersetujui.

CONTOH

- Saksi mengatakan beliau hanya sekadar mahu **cermin keretanya digelapkan**. Oleh itu, Unit Perlindungan Saksi akan mengambil tindakan agar pihak JPJ memberi kebenaran untuk cermin kenderaan saksi terbabit digelapkan.
- Saksi mahukan ada **rondaan dibuat** di rumahnya. Sekiranya perlindungan berkenaan dirasakan wajar berdasarkan ancaman yang dihadapi saksi, Unit Perlindungan Saksi akan menyelaraskan dengan PDRM untuk mendapatkan bantuan rondaan tersebut.
- Sekiranya saksi perlukan **pengawal peribadi** untuk perlindungan, maka ia akan disediakan jika ianya wajar.

PERLINDUNGAN SAKSI BAGI ANCAMAN YANG SERIUS

Bagi ancaman yang serius, perlindungan kepada saksi akan diberi melalui Program Perlindungan Saksi.


Antara bentuk perlindungan adalah:



LAPORKAN RASUAH

SPRM akan dapat melaksanakan siasatan kes rasuah dengan lebih berkesan dengan adanya maklumat berkualiti yang disalurkan kepada SPRM oleh orang ramai.

Laporkan jenayah rasuah yang anda tahu dengan menyatakan perkara-perkara berikut:



BAGAIMANA MELAPORKAN RASUAH?



Cara melaporkan jenayah rasuah

- ① Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM.
- ② Menelefon pejabat SPRM di talian biasa 03-8870 0688 / 0689 (Unit Menerima Maklumat) atau Talian Bebas Tol SPRM 1-800-88-6000.
- ③ Fakskan maklumat anda ke talian 03-8870 0901.
- ④ Melalui sistem pesanan ringkas (SMS) di talian 019-6000 696.
- ⑤ Menghantar surat ke Peti Surat 6000 (tanpa setem).
- ⑥ Menghubungi mana-mana pegawai SPRM.
- ⑦ Melalui e-mel ke *info@sprm.gov.my*.
- ⑧ Laporkan rasuah melalui **Sistem Pengurusan Aduan** di laman sesawang SPRM: *www.sprm.gov.my*.

PORTAL PENGURUSAN ADUAN

Mulai Julai 2012, orang ramai boleh menyalurkan maklumat berkaitan jenayah rasuah kepada SPRM melalui Sistem Pengurusan Aduan (CMS).

CMS bertindak sebagai '*one stop centre*' di mana semua maklumat yang diterima daripada pelbagai punca akan didaftar dan diuruskan.



Pengadu yang membuat laporan melalui CMS akan didaftarkan dalam sistem tersebut dan diberikan nombor rujukan. Pengadu boleh menggunakan nombor rujukan itu untuk mengetahui status aduan mereka melalui CMS.

Aduan dalam sistem ini juga dipantau secara berkala bagi memastikan tiada aduan yang akan terlepas pandang atau tidak diambil tindakan.

Selain itu, CMS juga membenarkan interaksi secara terus dengan pengadu sekiranya pihak SPRM memerlukan verifikasi atau maklumat lanjut berkaitan aduan yang diberikan.





**Kepada,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Putrajaya.**

Pegawai-pegawai di unit pelesenan DBKL telah terlibat dalam rasuah. Mereka memeras ugut peniaga tepi jalan dan meminta duit kopi. Kalau tak bayar, mereka mengugut untuk merobohkan dan merampas gerai peniaga.

Mohon SPRM mengambil tindakan terhadap mereka.



Maklumat tidak lengkap. Tidak dinyatakan siapa yang terlibat. Tambahan pula, pemberi maklumat tidak dapat dihubungi oleh SPRM untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**Kepada,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Putrajaya.**

Kami amat berdukacita dan menderita semenjak Jabatan Sahabat Handai dipimpin oleh Dato' Jambul. Beliau merupakan Ketua Pengarah yang diktator dan menggunakan kuasa veto dalam pentadbirannya. Sejak beliau bertugas di Jabatan Sahabat Handai antara perkara yang boleh membawa kehancuran jabatan adalah:

- a. Mengutuk dan menohmah Ketua Pengarah terdahulu
- b. Menaikkan pangkat pegawai yang hanya rapat dengan beliau dan keluarga beliau
- c. Memperkenalkan budaya berseronok secara radikal
- d. Memperkecilkan kemampuan pegawai bawahan di hadapan orang luar
- e. Tidak mengambil kisah hal-hal kebajikan pegawai
- f. Mengambil tindakan sesuka hati dalam memindahkan pegawai-pegawai yang tidak disukai dan lain-lain lagi

Harapan kami supaya SPRM dapat membantu dengan melakukan siasatan terhadap beliau.

Yang benar,
Pegawai Tidak Puas Hati





**Kepada,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Saya ingin membuat aduan mengenai pelakuan rasuah **Dato' Jinjang Joe** yang bertugas sebagai Pengarah Pentadbiran di Jabatan Aman Putra, Kuala Lumpur. Dato' Jinjang telah **menerima rasuah sebanyak RM50,000** kerana **membantu syarikat Arked Sdn. Bhd. mendapatkan projek** penyelenggaraan peralatan ICT di Jabatan Aman Putra. Rasuah diterima dalam bulan **Disember tahun 2014** melalui bayaran tunai dan cek. Selain daripada itu, Dato' Jinjang juga mempunyai kekayaan luar biasa seperti kereta mewah (2 buah kereta BMW), beberapa buah rumah dan hartanah.

Saya mengesyaki harta-harta itu adalah hasil perbuatan rasuah beliau. Beliau juga mempunyai hubungan yang amat baik dengan kontraktor bernama John dan William daripada syarikat Selimut Putih Sdn. Bhd. dan Azab Kubur Sdn. Bhd. Beliau sering bercuti ke luar negara bersama mereka. Ada kemungkinan, beliau ditaja. Saya amat berharap pihak SPRM dapat menyiasat kes ini.

Yang benar,
Mohamad Tarmize
019-3000077



Maklumat adalah **LENGKAP** kerana mengandungi butiran mengenai siapa (tertuduh), apa (bentuk rasuah dilakukan), bagaimana (rasuah dibuat), bila (perbuatan rasuah) dan mengapa (rasuah diminta). Pengadu juga boleh dihubungi.

PANDUAN MENULIS MAKLUMAT RASUAH

Kepada,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,

Siapa? (Nama, jawatan dan di mana tertuduh bertugas) : _____

Apa? (Kesalahan dilakukan sama ada memberi/menerima rasuah, salah guna kedudukan atau tuntutan palsu) : _____

Bila? (Tarikh dan masa dilakukan) : _____

Di mana? (Tempat berlaku kesalahan) : _____

Mengapa? (Sebab rasuah diminta dan balasan kepada rasuah. Atau mengapa tertuduh melakukan salah guna kedudukan/tuntutan palsu dan keuntungan yang diterima oleh tertuduh atau saudara maranya) : _____

Bagaimana? (Cara kesalahan dilakukan) : _____

Sambungan ...

Dokumen yang terlibat : _____

Saksi yang boleh membantu SPRM : _____

Yang benar,

MOHAMAD TARMIZE
019-3000077

NOTA PENTING: Nama dan nombor telefon sebaiknya (bukan wajib) disertakan. Ia bertujuan supaya Pegawai Penyiasat boleh menghubungi pemberi maklumat sekiranya memerlukan sebarang maklumat lanjut. Pemberi maklumat tidak perlu khuatir kerana identiti mereka dan maklumat yang diberikan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak.

Dengan mengetahui siapa pemberi maklumat juga, **SPRM dapat memberi perlindungan** sewajarnya kepada beliau.

PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MENOLAK RASUAH

- Punca kuasa
- Objektif pengiktirafan
- Kriteria pengiktirafan
- Proses pencalonan dan penilaian
- Bentuk ganjaran dan pengiktirafan

“Sesiapa yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu, maka ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu, maka (tolaklah) dengan hatinya, dan hal tersebut adalah selemah-lemah iman.

Riwayat Muslim



Penjawat awam yang melaporkan rasuah, layak diberi ganjaran dan pengiktirafan!

147

PUNCA KUASA

19 Ogos 2010 - Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bersetuju memberi pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan rasuah.

11 Mei 2011 - Ketua Setiausaha Negara mengeluarkan surat pekeliling bertajuk 'Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah'.

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN KEPADA **PENJAWAT AWAM** YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

148

DEFINISI PENJAWAT AWAM

Fasal 1 Perkara 132 **PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**:
Perkhidmatan awam termasuklah...

- perkhidmatan awam persekutuan
- perkhidmatan awam negeri
- pasukan polis
- angkatan tentera
- perkhidmatan kehakiman dan perundangan
- perkhidmatan pendidikan

Bagi maksud pengiktirafan ini - termasuk penjawat awam yang dilantik secara kontrak

OBJEKTIF PENGIKTIRAFAN

149



KRITERIA PENGIKTIRAFAN



Aduan mestilah dilaporkan kepada **SPRM**.



Penjawat awam yang melaporkan rasuah hendaklah memberi **kerjasama** penuh sehingga perbincaraan selesai.



Kes itu hendaklah membawa kepada **sabitan** (mahkamah) sehingga ke peringkat yang tiada lagi rayuan boleh dibuat.

KRITERIA PENGIKTIRAFAN

151



Pengiktirafan kepada **penjawat awam** (individu) dan bukannya kepada kementerian, jabatan atau agensi.



Pesara layak diberi pengiktirafan sekiranya aduan rasuah dibuat semasa masih berkhidmat.

PROSES PENGIKTIRAFAN

PENCALONAN

Pencalonan bagi pengiktirafan penjawat awam oleh **Panel Perakuan**.

Pemilihan dibuat berdasarkan laporan kes dan pendakwaan terhadap pesalah rasuah.

Panel Perakuan peringkat persekutuan:

Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, wakil Biro Pengaduan Awam dan wakil Jabatan Audit Negara.

Panel Perakuan peringkat negeri:

Pengarah SPRM Negeri, wakil Setiausaha Kerajaan Negeri, dan wakil Jabatan Audit Negara peringkat negeri.

PROSES PENGIKTIRAFAN

PENILAIAN

153

Penilaian dibuat oleh
Panel Penilaian.

Panel Penilaian

bertanggungjawab:

1. menilai cadangan
Panel Perakuan
2. membuat keputusan
3. mempertimbangkan
nilai/bentuk ganjaran

Ahli Panel Penilaian:

- Ketua Pesuruhjaya SPRM;
- KSU Perbendaharaan (atau wakil);
- Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM;
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (atau wakil);
- Pengarah Bahagian Perundangan & Pendakwaan, SPRM (atau wakil); dan
- Pengarah Bahagian Pengurusan Manusia & Pentadbiran Am, SPRM.

BENTUK **GANJARAN** DAN PENGIKTIRAFAN

154



Jumlah **GANJARAN** adalah berdasarkan nilai sogokan yang diberi atau diterima.

Jika sogokan melibatkan harta alih atau tidak alih (contohnya, kereta atau rumah), nilai sogokan akan ditentukan berdasarkan nilai pasaran.

Nilai ganjaran minimum adalah RM500.

BENTUK GANJARAN DAN **PENGIKTIRAFAN**

155




Bagi **MENGIKTIRAF** penjawat awam yang melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah, mereka boleh diberikan:

1. sijil penghargaan; dan
2. dipertimbangkan pencalonan anugerah pingat peringkat persekutuan/negeri.



PUTUSKAN RANTAIAN **RASUAH**

KATAKAN **TIDAK** PADA RASUAH



BILA HADIAH MENJADI RASUAH?

- **Hadiah: Bagaimana menjadi rasuah?**
- **Hadiah yang boleh diterima oleh penjawat awam**
- **Melaporkan pemberian/ penerimaan hadiah**

“*Have the courage to say no. Have the courage to face the truth. Do the right thing because it is right. These are the magic keys to living your life with integrity.*”

W. Clement Stone

HADIAH: BAGAIMANA MENJADI RASUAH?

159

Pemberian hadiah akan menjadi rasuah apabila mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Pemberi dan penerima hadiah **mempunyai hubungan rasmi**. Contohnya, pemberi hadiah adalah kontraktor, manakala, penerima hadiah adalah pegawai kerajaan (atau syarikat) yang terlibat dalam tender.
2. Pemberian hadiah mempunyai **balasan** tertentu yang berkaitan tugas rasmi penerima hadiah.
3. Pemberian hadiah akan **mempengaruhi keputusan** yang akan dibuat oleh si penerima.
4. Nilai hadiah **tidak setimpal** dengan maksud hadiah diberi.

“Kesalahan pegawai awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.”

Seksyen 165 Kanun Keseksaan

CONTOH KES 1

Seorang bekas Menteri Besar dituduh di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan apabila membeli dua lot tanah dan sebuah rumah banglo daripada syarikat XXX dengan **harga diskaun yang melampau**.

Pengarah syarikat XXX dan bekas Menteri Besar sebenarnya mempunyai hubungan rasmi yang mana syarikat XXX terlibat dalam beberapa projek negeri.

Bekas Menteri Besar berkenaan membeli hartanah tersebut dengan harga RM3.5 juta sahaja pada tahun 2007. Ia diskaun yang tidak munasabah kerana harga hartanah itu ketika syarikat XXX membelinya (hujung tahun 2004) adalah RM6.5 juta.

Mahkamah mendapati bekas Menteri Besar berkenaan bersalah dan menjatuhkan hukuman 12 bulan penjara. Mahkamah juga mengarahkan rumah banglo tersebut dilucut hak kepada kerajaan.



PERINGATAN KEPADA PENJAWAT AWAM

JANGAN sesekali menerima hadiah atau apa-apa barang bernilai daripada mana-mana syarikat atau kontraktor yang ada hubungan rasmi dengan pejabat anda.

Pemberian seumpama itu akan menimbulkan rasa serba salah dan dilema kepada anda (pegawai awam).

Keputusan yang anda buat selepas itu mungkin dipengaruhi oleh hadiah yang diberi. Akhirnya, akan membawa kepada pelakuan rasuah.



Hadiah yang **BOLEH** diterima oleh penjawat awam.

a

Hadiah daripada orang yang tiada kaitan dengan tugas rasmi. Nilai hadiah mesti **KURANG** daripada $\frac{1}{4}$ gaji atau RM500.

b

Hadiah daripada rakan sekerja sempena persaraan, pertukaran, pertunangan atau perkahwinan.

c

Hadiah daripada suami, isteri, ibu, bapa, mertua, anak dan adik beradik.

d

Hadiah daripada saudara-mara atau rakan-rakan sempena pertunangan, hari jadi, perkahwinan atau majlis berkaitan agama dan adat resam.

e

Hadiah berbentuk lencana, pen, *plaque* atau cenderamata.

f

Hadiah dalam bentuk barang-barang mudah rosak seperti sayur dan buah-buahan.



Penjawat awam mesti **MELAPORKAN** setiap hadiah yang diterima kepada ketua jabatannya.

PERANAN KETUA JABATAN: Ketua Jabatan yang dikemukakan pengisytiharan mengenai penerimaan hadiah, boleh membuat keputusan berikut:

1. Membenarkan pegawai menerima hadiah itu; atau
2. Mengarahkan hadiah itu dikembalikan kepada si pemberi; atau
3. Hadiah itu disimpan oleh jabatan.



BERFIKIR SEJENAK: Sebelum anda menerima apa-apa hadiah, soalan di bawah perlu ditanya:

1. Siapakah si pemberi? Adakah saya ada kepentingan dengan beliau?
2. Sekiranya saya tidak memegang jawatan sekarang, adakah dia akan beri hadiah ini?
3. Mengapa hadiah ini tidak diberi kepada pegawai lain?
4. Mungkinkah hadiah ini diberi dengan niat tertentu?



Mempunyai kemusykilan mengenai **HADIAH?**

Sila berhubung dengan Pusat Informasi Hadiah melalui e-mel **hadiah@sprm.gov.my** atau di talian 03-8891 1363 / 03-8891 1828 / 03-8891 1345.

LANGKAH PENCEGAHAN

- ☑ Katakan 'TIDAK' kepada rasuah
- ☑ Tips mengelakkan rasuah
- ☑ Mengukuhkan tadbir urus organisasi untuk mencegah rasuah dan penyelewengan
- ☑ Inisiatif kerajaan dalam membanteras rasuah

“ I look for three things in hiring people. The first is personal **INTEGRITY**, the second is intelligence and the third is a high energy level. But, if you don't have the first, the other two will kill you.”

Warren Buffett,
CEO Berkshire Hathaway

KATAKAN '**TIDAK**' KEPADA RASUAH

169



Adalah sukar untuk menolak apa-apa cubaan berunsur rasuah sekiranya rakan atau teman kita turut sama menerimanya. Bagaimanapun, harus sentiasa ingat bahawa diri **kita sendiri yang membuat pilihan** sama ada menerima atau menolak perbuatan rasuah.

Setiap orang mempunyai **hak untuk mengatakan 'TIDAK'** terhadap perkara yang tidak diinginkan.



Kaedah paling baik untuk menolak sesuatu pelawaan atau cubaan rasuah ialah **kita mesti tegas, berani** dan sentiasa ingat bahawa rasuah itu jenayah serius dan boleh merosakkan diri sendiri, keluarga, bangsa, agama dan negara.

8 TIPS MENGELAKKAN RASUAH

- 1 Jangan mengatakan '**YA**' bagi pelawaan pertama.



- Hati-hati dengan pujian** yang diberikan. Pujian yang berlebihan boleh menyebabkan seseorang itu lupa diri dan akhirnya membawa kepada pelanggaran peraturan.

2

- 3 Jangan sesekali menampakkan perbuatan atau tingkah laku yang menggambarkan seolah-olah **kita yang meminta-minta**.



8 TIPS MENGELAKKAN RASUAH

171



Jangan membiasakan diri menerima sebarang bentuk **keraian** daripada mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita, walaupun sekadar belanja minum.

4

5

Elakkan **berbincang mengenai hal peribadi** atau keluarga dengan mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita.



Berkawan dengan orang yang jujur dan boleh menasihati serta membimbing kita.

6

8 TIPS MENGELAKKAN RASUAH

7 Elakkan perhubungan yang terlalu rapat dengan pihak syarikat yang mempunyai urusan rasmi dengan kita.



Tolak tawaran atau pujukan dengan tegas.

8

JANGAN BERI, JANGAN TERIMA
RASUAH

TADBIR URUS BAIK

ORGANISASI BEBAS **RASUAH**
DAN PENYELEWENGAN

BAGAIMANA MENGUKUHKAN TADBIR URUS ORGANISASI?

PIMPINAN berintegriti menjadi teladan warga kerja.



Menempatkan **PEGAWAI** yang khusus dan kompeten bagi merangka, merancang serta melaksanakan agenda integriti, tadbir urus dan antirasuah. Organisasi juga mesti memperuntukkan **BAJET** yang mencukupi untuk tujuan ini.

Mengkaji **RISIKO** berlaku rasuah dan penyelewengan dalam organisasi.



BAGAIMANA MENGUKUHKAN TADBIR URUS ORGANISASI?

175



Memperkukuhkan **KAWALAN DALAMAN** dan mekanisme '*check and balance*' dalam sistem serta prosedur kerja.

Mewujudkan **SALURAN** aduan yang berkesan dan boleh dipercayai. Seterusnya, menggalakkan pelaporan sebarang salah laku dalam organisasi.



Mewujudkan **REFERRAL** policy apabila berlaku jenayah dan salah laku dalam organisasi.

BAGAIMANA MENGUKUHKAN TADBIR URUS ORGANISASI?



Mewujudkan polisi yang jelas mengenai
'CONFLICT OF INTEREST'.

Menguatkuasakan polisi
mengenai pemberian dan
penerimaan **HADIAH**.



Mengawasi mereka yang
mengamalkan **GAYA HIDUP**
mewah.

Melaksanakan **PROGRAM**
membudayakan integriti dan nilai benci
rasuah dalam organisasi.



INISIATIF-INISIATIF
KERAJAAN DALAM
MEMBANTERAS
RASUAH

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

Pelan Antirasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Plan* (NACP) 2019-2023 adalah dasar negara khusus berkaitan pencegahan rasuah. Pelan lima tahun ini mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Pelancaran NACP disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019. Pelan ini menetapkan aspirasi nasional agar **Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah**.

Bagi mencapai aspirasi tersebut, ditetapkan enam strategi utama iaitu memperkukuh integriti dan akauntabiliti politik; memperkukuh kecekapan penyampaian awam; mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam; mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman; menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang; dan memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat. Secara keseluruhannya, pelan ini mempunyai 115 inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai agensi.



Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) merupakan penjenamaan semula Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dilaksanakan sejak tahun 1997.

JKKMAR dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan memfokuskan tiga bidang utama iaitu pengukuhan governans, pemantapan integriti dan antirasuah. SPRM dan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) bertindak sebagai urus setia bersama JKKMAR.

Jawatankuasa Anti-Rasuah

Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) ditubuhkan bagi melaksanakan gerakan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran kerajaan. Penubuhan JAR menggantikan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU).

Mesyyuarat JAR Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah diadakan sebanyak tiga kali bagi tahun 2019. Ahli mesyyuarat JAR terdiri daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Peguam Negara, Ketua Audit Negara, Ketua Pesuruhjaya SPRM, semua Ketua Setiausaha Kementerian Persekutuan, semua Setiausaha Kerajaan Negeri dan ahli-ahli lain yang difikirkan perlu.

Unit Integriti di agensi awam

Inisiatif kerajaan untuk menubuhkan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat persekutuan dan negeri, berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2013.

Unit Integriti yang ditubuhkan di setiap agensi awam peringkat persekutuan dan negeri ini bertindak sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di agensi terbabit. Penubuhan Unit Integriti bertujuan bagi membendung salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam selain memantapkan tadbir urus baik melalui kawalan dalaman terutamanya dalam aspek integriti.

Program Pegawai Integriti Bertauliah

Program Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer* (CeIO) merupakan program khas untuk melahirkan pegawai integriti yang berperanan merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program integriti dan pencegahan rasuah di sektor awam dan swasta.

Pegawai Integriti Bertauliah yang akan ditempatkan di Unit Integriti agensi ini diyakini mampu untuk menangani isu membabitkan rasuah dan integriti di sesebuah agensi sehingga ke akar umbi.

Unit Integriti dan Governans di syarikat berkaitan kerajaan

Usaha kerajaan untuk memperkasakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dilaksanakan melalui penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU).

Perkara ini selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 1 No.1 Tahun 2018 - Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Unit Integriti dan Governans Syarikat Berkaitan Kerajaan, Syarikat-syarikat yang Dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan Termasuk di bawah Kerajaan Negeri yang berkuat kuasa pada 5 Oktober 2018.

Peranan utama IGU adalah meningkatkan tadbir urus GLC melalui pembudayaan integriti, menolak segala bentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Aktiviti dan inisiatif IGU dilaksanakan berdasarkan empat terma rujukan iaitu pengurusan aduan; pengesanan dan pengesanan; pengukuhan integriti; dan governans.



Mahkamah khas rasuah dan perbicaraan dalam tempoh setahun

Arahan dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara supaya semua perbicaraan kes rasuah dapat diselesaikan dalam tempoh satu tahun.

Inisiatif ini disokong dengan penubuhan 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan empat Mahkamah Tinggi Khas Rayuan Kes Rasuah di seluruh negara yang telah beroperasi sepenuhnya mulai 16 Februari 2011. Objektif utamanya adalah bagi meneygerakan perbicaraan kes-kes rasuah di mahkamah.

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen

Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan pada setiap persidangan Parlimen. Ia bertujuan agar siasatan dapat dijalankan segera setelah isu penyelewengan dan salah laku yang dikesan serta dilaporkan dalam LKAN dibentangkan di Parlimen.

Inisiatif ini mula dilaksanakan pada tahun 2014. Sebelum ini, siasatan hanya bermula selepas LKAN dibentangkan pada persidangan Parlimen sesi ketiga iaitu di akhir tahun. Keadaan ini menyebabkan siasatan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah

Penjawat awam yang melaporkan penawaran atau pemberian rasuah akan diberi pengiktirafan dan ganjaran sama ada dalam bentuk wang, kenaikan pangkat atau gaji dan sijil penghargaan. Garis panduan berkaitan pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan rasuah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara berkuat kuasa 1 Jun 2011.

Inisiatif ini merupakan bukti usaha dan komitmen kerajaan untuk memerangi rasuah, terutama dalam kalangan perkhidmatan awam. Perincian mengenai perkara ini dijelaskan di muka surat 145 hingga 156.

Peruntukan 'liabiliti korporat' dalam Akta SPRM 2009

Pada 1 Jun 2020, peruntukan undang-undang Seksyen 17A Akta SPRM 2009 - kesalahan rasuah oleh organisasi komersial mula berkuat kuasa. Peruntukan yang juga dikenali sebagai 'liabiliti korporat' bertujuan menggalakkan syarikat melaksanakan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi mereka.

Peruntukan ini menyebabkan syarikat mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau kakitangan syarikat menggunakan rasuah untuk memperoleh sesuatu kontrak atau projek. Perincian mengenai perkara ini dijelaskan di muka surat 57 hingga 82.

Integrity Pact

Arahan untuk melaksanakan *Integrity Pact* (IP) dibuat melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 1 April 2010. IP bertujuan:

- ▶ Mengelakkan petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
- ▶ Menghendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang pelaksanaan rasuah; dan
- ▶ Memastikan kerajaan tidak menanggung kos-kos yang tidak perlu dan membazir dalam sesuatu perolehan.

IP dilaksanakan dalam tiga peringkat di mana petender/penyebut harga perlu menandatangani Surat Akuan Pembida untuk tidak menawarkan atau memberikan rasuah sebagai sogokan dalam urusan sesuatu kontrak.

Peringkat tersebut adalah:

- a. Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh petender/penyebut harga;
- b. Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima; dan
- c. Menandatangani perjanjian berkaitan perolehan kerajaan yang mengandungi klausa 'Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan'.

Setiap IP mengandungi kenyataan bahawa petender/penyebut harga mestilah:

- ▶ Menerima tawaran rasmi untuk menyertai tender/sebut harga;
- ▶ Membuatakuan bahawa tidak akan terlibat dengan rasuah dalam semua peringkat perolehan;
- ▶ Mewujudkan '*code of conduct*' bagi membanteras rasuah; dan
- ▶ Mematuhi perjanjian kontrak yang mengandungi klausa pencegahan rasuah.

Pendedahan maklumat perolehan di laman sesawang

Melalui inisiatif ini, Kementerian Kewangan Malaysia memaparkan maklumat perolehan kerajaan kepada umum melalui portal **MyProcurement** yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 April 2010.

Usaha yang sama turut dibuat Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dengan mewujudkan portal **MyPartnership**. Ia dilancarkan pada 25 Ogos 2010 bagi memaparkan maklumat projek penswastaan. Kedua-dua inisiatif ini merupakan komitmen kerajaan untuk meningkatkan ketelusan, integriti dan kebertanggujawaban dalam perolehan kerajaan.

Mewujudkan garis panduan bagi menangani 'sokongan' yang diterima daripada pemimpin kerajaan atau individu berpengaruh dalam sesuatu urusan kerajaan

Garis panduan ini bertujuan mengatasi masalah berikutan surat sokongan daripada individu berpengaruh. Garis panduan yang dikeluarkan pada 8 Mac 2010 menetapkan agar:

- ▶ Setiap surat sokongan mesti didokumenkan dan dilaporkan;
- ▶ Sokongan secara verbal mesti direkodkan dan didokumenkan;
- ▶ Surat sokongan tidak boleh menjadi faktor kepada sesuatu keputusan; dan
- ▶ Laporan mesti dikemukakan kepada ketua jabatan atau agensi berkaitan (SPRM).

Impak

Pegawai awam yang terlibat dengan perolehan mempunyai panduan yang dapat membebaskan mereka daripada tekanan individu berpengaruh.

Corporate Integrity Pledge (Ikrar Integriti Korporat)

Corporate Integrity Pledge atau CIP merupakan inisiatif penting bagi meningkatkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia dan menarik lebih banyak pelaburan langsung asing ke negara ini. Organisasi yang menandatangani CIP akan memastikan mereka tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah. CIP menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai oleh badan korporat bagi menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada rasuah.

Lima prinsip CIP adalah:



Penggiliran kerja berisiko (*Hot job rotation*)

Inisiatif ini dimulakan oleh agensi penguat kuasa utama melalui Unit Integriti dan Bahagian Sumber Manusia di agensi masing-masing. Terbahagi kepada tiga kategori iaitu Pekerja Berisiko (*Hot Staff*), contohnya mereka yang mempunyai rekod atau tohmahan rasuah atau salah laku; Jawatan Berisiko (*Hot Job*), sebagai contoh, jawatan pegawai pelulus sesuatu kontrak atau lesen/permit; dan Bahagian Berisiko (*Hot Spot*), seperti bahagian kewangan atau perolehan.

Melalui inisiatif ini, 'Pekerja Berisiko' akan dikenal pasti oleh Unit Integriti melalui laporan aduan yang diterima atau pegawai berkenaan pernah terlibat dengan salah laku, rasuah atau penyelewengan.

Sekiranya berlaku pertukaran pegawai, 'Pekerja Berisiko' tidak akan diletakkan di 'Jawatan Berisiko' atau 'Bahagian Berisiko'. Pegawai yang bertugas di 'Jawatan Berisiko' atau 'Bahagian Berisiko' pula akan melalui penggiliran kerja dengan kerap sehingga maksimum tiga tahun untuk sesuatu jawatan atau di sesuatu bahagian.

Tempoh masa yang terlalu lama di sesuatu tempat kerja dikenal pasti boleh membuka ruang dan peluang berlakunya rasuah.

Pangkalan Data Pesalah Rasuah

Pangkalan Data Pesalah Rasuah atau '*Name and Shame Database*' di portal rasmi SPRM (www.sprm.gov.my) mula diperkenalkan pada 4 Mac 2010. Pangkalan data ini dibangunkan untuk mewujudkan kesedaran tentang kesan buruk rasuah kepada orang ramai dengan memaparkan maklumat pesalah rasuah seperti gambar, nama, nombor kad pengenalan, nombor kes, pertuduhan, hukuman dan tarikh pesalah disabitkan hukuman.

Pangkalan Data Pesalah Rasuah ini juga digunakan sebagai rujukan oleh majikan dan kedutaan asing dalam membuat penilaian ke atas individu yang memohon pekerjaan atau urusan pengeluaran visa. Maklumat pesalah rasuah ini dipamerkan dalam pangkalan data selama tiga tahun.

Portal Rasmi
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
Berita • Media • Profesional

Utama Korporat **Pengumuman** Penegakan Pendidikan MACA Hubungi Kami

Data Pesalah Rasuah

PENGUATKUASAAN

- Pengumuman
- Tungku
- Bidang Kanan & Kiri
- Laporan Rasuah
- Proses Siasatan
- Perinderaan Pembantu Maklumat
- Perinderaan Sekali
- Mak. Orang Kanan Pengarah (OKP)
- Data Pesalah Rasuah**
- Statistik Query
- Portal Rasuah Rasuah

PANGKALAN DATA PESALAH RASUAH

Objektif utama insiatif ini adalah untuk mewujudkan langkah-langkah pencegahan dan memberikan petunjuk yang jelas bahawa orang yang disabitkan dengan rasuah. Pangkalan Data ini berfungsi sebagai satu maklumat yang penting untuk membantu orang awam dan organisasi dalam melaksanakan proses penyidikan dan penapisan sebelum mengambil, melantik atau melakukan pengantaraan media.

[Lihat Statistik](#)
[Lihat Data Pesalah Rasuah](#)

CARIAN DATA PESALAH RASUAH

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W X Y Z

Tajuk: Nama: Masukkan Kata Kunci Di sini...

Jantina: Kadar: Mengenal:

Kelab pelajar IPT - Angkatan Mahasiswa Antirasuah

Antara dapatan Kajian Persepsi Rasuah 2002 adalah 30.5% responden pelajar (494 responden) mengaku akan melakukan rasuah sekiranya mempunyai kuasa dan peluang. Susulan dapatan yang membimbangkan ini, pada 6 Disember 2007, kerajaan menubuhkan kelab pelajar yang dikenali Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di institut pengajian tinggi (IPT) awam. Pada 24 September 2018, SPR dijenamakan semula sebagai Angkatan Mahasiswa Antirasuah atau **AMAR**.

Objektif AMAR adalah menanamkan budaya benci dalam kalangan mahasiswa yang bakal memimpin negara pada masa hadapan. AMAR bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pendidikan antirasuah di IPT masing-masing. Dari semasa ke semasa, bilangan AMAR bertambah. Sehingga 30 September 2020, 115 AMAR telah ditubuhkan di IPT.

ANGKATAN MAHASISWA ANTIRASUAH

20 AMAR
universiti
awam

27 AMAR
Institut
Pendidikan
Guru

56 AMAR
institusi
pendidikan
MARA

12 AMAR
IPT swasta

Kursus Integriti dan Rasuah di IPT

Objektif utama penawaran Kursus Integriti dan Rasuah kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) adalah bagi meningkatkan kefahaman mereka mengenai jenayah rasuah. Inisiatif ini selaras dengan Objektif Strategik 2.4.7 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) - *Memperkenalkan kursus mata pelajaran wajib universiti pada peringkat ijazah pertama yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran.*

Pembelajaran secara interaktif menggunakan pendekatan 'pembelajaran berasaskan pengalaman' atau *experience-based learning*. Antara aktiviti pembelajaran adalah perkongsian kes-kes sebenar rasuah oleh pensyarah SPRM, lawatan ke pejabat SPRM, ceramah oleh bekas pesalah rasuah dan sesi bersama Pegawai Penyiasat SPRM yang berpengalaman dalam siasatan kes berprofil tinggi.

Pada Februari 2018, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi IPT pertama menawarkan kursus ini iaitu mulai Semester 2 Sesi 2018/2019. Dari semasa ke semasa, semakin banyak IPT awam dan swasta yang menawarkan kursus Integriti dan Rasuah.



Elemen pencegahan rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah

Salah satu inisiatif di bawah Program Transformasi Kerajaan Fasa Kedua (GTP2.0) adalah memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah.

Inisiatif ini merupakan usaha jangka panjang kerajaan untuk menyemai nilai-nilai integriti dan pencegahan rasuah dalam kalangan pelajar sekolah. Ia terhasil berikutan kesedaran kerajaan bahawa usaha pendidikan rasuah akan lebih berkesan sekiranya elemen pencegahan rasuah diserapkan dalam sistem pendidikan negara.

Buku teks pertama dengan kandungan berkaitan pencegahan rasuah mula digunakan bagi sesi persekolahan tahun 2016. Elemen yang diterapkan berbentuk nilai-nilai murni yang memberi pendedahan awal kepada para pelajar untuk membenci sebarang bentuk pelakuan rasuah.



MEMBUDAYAKAN NILAI-NILAI MURNI

- Amanah
- Ikhlas
- Bersyukur
- Bertanggungjawab
- Berdisiplin
- Bersederhana
- Integriti: Kisah dan teladan

Seiring ke haluan
Capai apa dicitakan
Keazaman di dada
Untuk menggapai impian
Kita kan bersatu
Bina perubahan
Menghadapi rintangan
Tak rela kecundang

Utamakan kebenaran
Adil dan kejujuran
Jati diri, harapan
Tingkatkan keyakinan
Merempuhi liku

Dengan ketelusan
Menghadapi cabaran
Dengan ketabahan

Jadikan kita
Pembela nyata di mata dunia
Dan mendukung aspirasi kita
Menjunjung amanah, beretika

Mampu mengorak
Dan menyusun langkah ke hadapan
Bersama lakukan perubahan
Perangi **RASUAH** musuh kita ...
Bersama.

Tajuk : Bersama Lakukan Perubahan
Penyanyi : Aizat

AMANAH



195

- ☐ Takut kepada tuhan.
- ☐ Tulus dan jujur melaksanakan tugas.
- ☐ Berlaku adil dalam semua hal.
- ☐ Menggunakan masa dengan sebaik-baiknya.
- ☐ Boleh dipercayai.

IKHLAS



- ☐ Melambangkan kesucian dan kebersihan hati.
- ☐ Tidak melakukan sesuatu perkara hanya untuk kepentingan diri sendiri.
- ☐ Melakukan tugas tanpa mengharapkan balasan tertentu.
- ☐ Melakukan tugas dengan penuh kerelaan.

BERSYUKUR



- ☐ Redha dengan apa yang diperolehi atau dimiliki.
- ☐ Sentiasa berasa cukup dengan apa yang dimiliki.
- ☐ Tidak 'lupa daratan'.
- ☐ Hidup sekadar kemampuan diri sendiri.
- ☐ Tidak bermewah-mewah.

BERTANGGUNGJAWAB



- ☐ Melakukan tugas dengan bersungguh-sungguh.
- ☐ Sanggup diperiksa dan dinilai terhadap segala keputusan atau tindakan.
- ☐ Tidak membelakangkan amanah yang dipertanggungjawabkan.
- ☐ Berani mengakui kesilapan yang dibuat.

BERDISIPLIN



- ☐ Patuh kepada undang-undang, arahan dan peraturan yang berkuat kuasa.
- ☐ Mempunyai pegangan dan prinsip diri.
- ☐ Sentiasa menjaga imej dan maruah diri.

BERSEDERHANA



- ☐ Tidak hidup bermewah-mewah.
- ☐ Sentiasa mengukur kemampuan diri.
- ☐ Sentiasa pentingkan kesejahteraan hidup.
- ☐ Menggunakan hasil pendapatan dengan sebaik-baiknya.
- ☐ Tidak tamak.



INTEGRITI
KISAH & TELADAN

KHALIFAH UMAR

Takut menggunakan wang negara untuk peribadi

Pada suatu hari, Khalifah Umar ibn Khattab memohon pinjaman daripada Abdurrahman ibn Auf sebanyak 400 dirham. Wang itu adalah untuk kegunaan peribadinya.

Hairan dengan permohonan tersebut, Abdurrahman ibn Auf bertanya kepada Khalifah Umar, "Mengapa kamu meminjam wang daripada aku? Bukankah kunci Baitulmal ada padamu? Apakah kamu tidak boleh meminjam daripada Baitulmal?"

Khalifah Umar menjawab, "Aku tidak mahu meminjam daripada Baitulmal kerana aku takut takdirku tiba, maut menjemputku. Aku khuatir kamu dan kaum muslimin mengatakan aku menggunakan wang daripada Baitulmal untuk kegunaan peribadiku."

Tambah Khalifah Umar, "Jika itu berlaku, kebbaikanku tentu akan dikurangi pada hari Kiamat."

"Jika aku meminjam wang daripada kamu dan aku meninggal dunia, kamu dapat menuntutnya daripada ahli keluargaku."

MAHATMA GANDHI

Menasihati budak yang suka makan gula



Seorang ibu amat risau akan perangai anaknya memakan gula secara berlebihan. Ibu tersebut membawa anaknya berjumpa Mahatma Gandhi, memohon Gandhi menasihati anaknya untuk tidak memakan gula. Gandhi hanya menasihati ibu tersebut untuk pulang dan datang semula sebulan kemudian.

Sebulan berlalu, ibu dan anak tersebut kembali bertemu Gandhi. Kali ini, barulah Gandhi menasihati anak tersebut untuk berhenti memakan gula. Perbuatan Gandhi menghairankan ibu dan anak. Mereka bertanya mengapa nasihat sedemikian tidak disuarakan sewaktu kunjungan pertama.

Jawab Gandhi, "Ketika kamu berdua menemui aku kali pertama, aku sendiri ketika itu masih memakan gula. Pasti aku tidak layak menyuruh orang lain berhenti melakukan perkara yang aku sendiri masih lakukan. Aku baru sebulan berhenti memakan gula, maka barulah aku berada dalam kedudukan yang layak menasihati orang lain untuk turut berhenti memakan gula."

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA **Membatalkan projek kerana integriti dipertikai**

YTM Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) pernah mendapat rawatan di sebuah hospital di London. Tunku Abdul Rahman tertarik dengan susun atur hospital tersebut. Kebetulan Hospital Besar Kuala Lumpur dalam peringkat perancangan pembinaan semula. Setelah kembali ke tanah air, Tunku Abdul Rahman mencadangkan kepada Menteri Kerja Raya, Tun Sambanthan (Mendiang) untuk menimbangkan kemungkinan mendapat pandangan daripada perunding hospital berkenaan bagi membantu perancangan pembinaan Hospital Kuala Lumpur.



Kementerian Kerja Raya merintis perbincangan awal. Dalam salah satu sidang Parlimen, seorang anggota Parlimen mencelah soalan kepada Menteri Kerja Raya bertanyakan kesahihan cerita bahawa atas arahan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya telah melantik kenalan peribadi Perdana Menteri sebagai perunding untuk pembinaan Hospital Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman yang turut berada di Parlimen semasa soalan dikemukakan terus bangun, meminta laluan daripada Menteri Kerja Raya, secara terbuka mengaku ada mencadangkan kepada Menteri Kerja Raya, tetapi menafikan perunding tersebut adalah kenalan peribadi beliau.

Seterusnya, Tunku Abdul Rahman menyatakan, memandangkan ahli Yang Berhormat itu telah menimbulkan keraguan yang boleh menjejaskan integritinya, Tunku Abdul Rahman di Dewan Parlimen itu sendiri mengarahkan supaya segala perhubungan yang telah dijalinkan dengan perunding tersebut ditamatkan serta-merta.

TUN ABDUL RAZAK

Menjaga integriti dan mengelak kepentingan peribadi



Tun Abdul Razak (Allahyarham) dalam salah satu lawatan ke luar negara, terlupa membawa ubat gigi dan krim rambut, lalu meminta pengiring beliau membelinya. Sewaktu sarapan keesokan paginya, Tun Abdul Razak bertanya harga ubat gigi dan krim rambut tersebut. Pembantu peribadi Tun Abdul Razak mengatakan bil pembelian akan dimasukkan dalam tuntutan perbelanjaan perjalanan. Pembantu peribadi tersebut ditegur dan Tun Abdul Razak menegaskan bahawa adalah salah untuk perbelanjaan peribadi seseorang itu dibayar daripada sumber kewangan kerajaan.

Dalam satu insiden yang lain, Tun Abdul Razak pernah berhasrat membina kolam renang di kediaman rasminya di Sri Taman. Tujuannya, beliau tidak mahu mengganggu orang lain apabila beliau menggunakan kolam renang di Kelab Taman Tasik. Seorang kenalan peribadi, menganggarkan kos sebanyak \$20,000 untuk membina sebuah kolam renang. Apabila Jabatan Kerja Raya mengemukakan anggaran kos \$60,000, Tun Abdul Razak membatalkan hasrat beliau kerana berasa bersalah menggunakan wang sebanyak itu bagi membina kolam renang di kediaman rasmi Perdana Menteri.

Sementara itu, pegawai peribadi Tun Abdul Razak mencadangkan supaya kerja membina kolam renang tersebut diberikan kepada kenalan peribadi Tun Abdul Razak dengan kos \$20,000. Tun Abdul Razak menolak saranan itu kerana tidak mahu integriti beliau terjejas dengan memberikan kontrak kerajaan kepada kenalan peribadi.

TUN HUSSEIN ONN**Enggan dibiayai kerajaan untuk pulang daripada bercuti**

Ketika Tun Dr. Ismail (Allahyarham) meninggal dunia, Tun Hussein Onn (Allahyarham) berada di London. Tun Hussein ketika itu adalah Menteri Pelajaran Malaysia, bercuti ke London bersama Toh Puan Suhaila untuk menghadiri acara konvokesyen anak mereka. Tun Hussein menggunakan duit sendiri, membeli tiket pergi balik kelas ekonomi untuk dirinya dan Toh Puan Suhaila.



Setelah jasad Tun Dr. Ismail selamat disemadikan, Perdana Menteri, Tun Abdul Razak meminta Tun Hussein segera balik ke Malaysia. Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London diminta menghubungi Tun Hussein untuk menyampaikan permintaan Tun Abdul Razak. Tun Hussein menjawab bahawa tiket penerbangan kelas ekonominya, tidak membolehkan beliau menukar tarikh perjalanan.

Mendengar jawapan tersebut, Tun Abdul Razak meminta Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London membeli tiket baharu untuk Tun Hussein dan Toh Puan Suhaila. Arahan tersebut dimaklumkan, tetapi Tun Hussein tegas menolak dengan mengatakan adalah menyalahi peraturan kewangan untuk kerajaan membiayai perjalanan beliau yang sedang bercuti dan bukannya melakukan tugas rasmi di London. Sebenarnya, tujuan Tun Abdul Razak memanggil Tun Hussein pulang adalah untuk berbincang bagi melantik beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baharu.

SPRM NEGERI



CAWANGAN



**Anda Boleh Lakukan Perubahan,
PERANGI Rasuah**

IBU PEJABAT SPRM



No. 2, Lebuhr Wawasan,
Presint 7, 62250 Putrajaya
Tel: 03-8870 0000
Faks: 03-8870 0901

SPRM PERLIS



Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,
Persiaran Jubli Emas,
Peti Surat 6000,
01700 Kangar, Perlis
Tel: 04-9761 982 / 04-9763 982
Faks: 04-9765 828

SPRM KEDAH



Tingkat 2, Blok B,
Bangunan Persekutuan,
Jalan Sultan Badlishah,
Peti Surat 6000,
05720 Alor Star, Kedah
Tel: 04-7001 880 / 04-7001 881
Faks: 04-7001 870

SPRM Caw. Langkawi

Tingkat 1, Kompleks LADA,
Peti Surat 6000,
07000 Kuah, Langkawi, Kedah
Tel: 04-9668 691 / 04-9671 497
Faks: 04-9668 690

SPRM Caw. Sungai Petani

JKR 423, Jalan Kapal Terbang,
Peti Surat 6000,
08000 Sungai Petani, Kedah.
Tel: 04-4213 400 / 04-4213 600
Faks: 04-4211 982

SPRM PULAU PINANG



No. 44, Jalan Sultan Ahmad Shah,
Peti Surat 6000,
10850 Pulau Pinang
Tel: 04-2271 982 / 04-2299 262
Faks: 04-2266 070

SPRM Caw. Seberang Perai

Tingkat 2B, Bangunan Mahkamah,
Majistret (Munisipal) MPSP,
Jalan Kg. Jawa Seberang Perai,
Peti Surat 6000,
12000 Butterworth, Pulau Pinang.
Tel: 04-3246 000
Faks: 04-3242 000

209

SPRM PERAK



Plot 7, Persiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
Peti Surat 6000,
30020 Ipoh, Perak
Tel: 05-5267 000 / 05-5261 227
Faks: 05-5261 214

SPRM Caw. Teluk Intan

Tingkat 3, Blok B,
Bangunan Kerajaan Persekutuan,
Peti Surat 6000,
36000 Teluk Intan, Perak
Tel: 05-6231 982
Faks: 05-6231 987

SPRM Caw. Taiping

Tingkat 8, Wisma Persekutuan,
Jalan Istana Larut, Peti Surat 6000,
34007 Taiping, Perak
Tel: 05-8081 982
Faks: 05-8063 593

SPRM W.P KUALA LUMPUR



Jalan Cochrane,
Peti Surat 6000,
50988 Kuala Lumpur
Tel: 03-9206 5000 / 03-9206 5001
Faks: 03-9206 5198 / 03-9206 5198

SPRM W.P PUTRAJAYA



Aras 9, Blok B, Ibu Pejabat SPRM,
No. 2, Lebuhr Wawasan,
Presint 7, 62250 Putrajaya
Tel: 03-8870 0042
Faks: 03-8870 0947

SPRM SELANGOR



Lot 1, Persiaran Selangor,
Seksyen 16,
40200 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5525 6500
Faks: 03-5525 6514 / 03-5525 6515

SPRM Caw. Klang

Tingkat 2, Kompleks Pejabat
Kerajaan, Jalan Kota,
41000 Klang, Selangor
Tel: 03-3371 5080 / 03-3371 5279
Faks: 03-3371 5090

SPRM NEGERI SEMBILAN



Jalan Dato' Kelana Makmur,
Peti Surat 6000, 70700 Seremban,
Negeri Sembilan
Tel: 06-7625 446 / 06-7620 207
Faks: 06-7620 522

SPRM JOHOR



Jalan Persiaran Tanjung,
Peti Surat 6000,
81200 Tampoi, Johor
Tel: 07-2316 000 / 07-2316 080
Faks: 07-2352 982

SPRM Caw. Port Dickson

No. 72 & 73, Tingkat 1,
Jalan Dato' K.Pathmanaban,
Peti Surat 6000, 71000 Port Dickson,
Negeri Sembilan
Tel: 06-6461 184 / 06-6461 185
Faks: 06-6461 186

SPRM Caw. Batu Pahat

JKR 84, Jalan Ampuan
Peti Surat 6000
83000 Batu Pahat, Johor
Tel: 07-4321 982 / 07-4320 244
Faks: 07-4328 630

SPRM Caw. Kluang

Tingkat 3, Bangunan Persekutuan Kluang,
KM4, Jalan Batu Pahat, Peti Surat 6000,
856000 Kluang, Johor.
Tel: 07-7714 610
Faks: 07-7714 680

SPRM Caw. Segamat

No.325, Jalan Buluh Kasap
Peti Surat 6000,
85720 Segamat, Johor
Tel: 07-9317 982 / 07-9317 980
Faks: 07-7767 986

SPRM MELAKA



No. 2, Jalan Alai Perdana 16,
Crystal Bay, Alai, Peti Surat 6000,
75460 Melaka
Tel: 06-2896 000
Faks: 06-2896 141

SPRM KELANTAN



Jalan Sultan Yahya Petra,
Peti Surat 6000,
15990 Kota Bharu,
Kelantan
Tel: 09-7661 800
Faks: 09-7477 249 / 09-7477 305

SPRM TERENGGANU



Bandar Baru Bukit Besar,
Peti Surat 6000,
20050 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-6301 920
Faks : 09-6301 923

SPRM Caw. Kemaman

Bangunan Persekutuan,
Jalan Melor, Gong Limau,
Peti Surat 6000,
24000 Kemaman, Terengganu
Tel: 09-8502 080 / 09-8502 081
Faks: 09-8502 083

SPRM PAHANG



Bandar Indera Mahkota,
Peti Surat 6000,
25200 Kuantan, Pahang.
Tel: 09-5716 000
Faks: 09-5716 030

SPRM Caw. Raub

Tingkat 1, Bangunan Persekutuan,
Jalan Tengku Abdul Samad,
Peti Surat 6000,
27600 Raub, Pahang
Tel: 09-3501 967
Faks: 09-3501 977

SPRM Caw. Temerloh

Tingkat 1, Bangunan MPT,
Jalan Sultan Ahmad Shah,
Peti Surat 6000,
28000 Temerloh, Pahang.
Tel: 09-2901 400
Faks: 09-2901 402

SPRM SABAH



Aras 3, Blok A, Kompleks Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS, 88400 K.Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-488 381 / 088-488 382
Faks: 088-488 387

SPRM Caw. Tawau

Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
Peti Surat 6000, 91108 Tawau, Sabah.
Tel: 089-772 743 / 089-753 005
Faks: 089-772 693

SPRM Caw. Sandakan

Tingkat 7, Bangunan Persekutuan
KM11, Jalan Labuk, Peti Surat 6000,
90048 Sandakan, Sabah.
Tel: 089-668 746 / 089-668 496
Faks: 089-669 691

SPRM Caw. Keningau

Tingkat Bawah, Bangunan Gunasama,
Rumah Persekutuan Keningau,
Peti Surat 6000, 89008 Keningau, Sabah
Tel: 087-336 761 / 087-336 762
Faks: 087-336 763

SPRM Caw. Lahad Datu

Div. 1, Kuarters No. JKR10594.
Jalan Hap Heng (Hyundai),
91100 Lahad Datu, Sabah.
Tel: 089-868 769
Faks: 089-868 768

SPRM SARAWAK



Lot 3894,
Jalan Laksamana Cheng Ho,
93350 Kuching, Sarawak
Tel: 082-467 701 / 082-467 702
Faks: 082-467 720 / 082-467 712

SPRM Caw. Limbang

No.125, Jalan Fisher,
98700 Limbang, Sarawak
Tel: 085-214 107 / 085-214 117
Faks: 085-214 151

SPRM Caw. Sibü

Blok 3, Tingkat 7, Wisma Persekutuan,
Jalan Persiaran Brooke,
Peti Surat 6000, 96008 Sibü, Sarawak
Tel: 084-311 982 / 084-321 982
Faks: 084-320 968

SPRM Caw. Miri

Tingkat 2, Blok A, Fasa 2,
Bangunan Persekutuan,
Jalan Cahaya Lopeng,
Peti Surat 6000, 98008 Miri, Sarawak.
Tel: 085-415 404 / 085-439 710
Faks: 085-414 904

SPRM Caw. Bintulu

Tingkat 2, Wisma Persekutuan Fasa II,
Jalan Tun Razak, Peti Surat 6000,
97008 Bintulu, Sarawak
Tel: 086-316 200
Faks: 086-316 300

SPRM W.P LABUAN



4C-1, Tingkat 4, Blok 4,
Kompleks Ujana Kewangan,
Jalan Merdeka, Peti Surat 6000,
87000 W.P Labuan
Tel: 087-421 992 / 087-421 993
Faks: 087-422 378 / 087-423 378

www.sprm.gov.my



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

No. 2, Lebuhr Wawasan,
Presint 7, 62250 Putrajaya.

www.sprm.gov.my